



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4753]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pencen [Ruangan 4781]

Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 4794]

Rang Undang-undang Timbangtara (Pindaan) [Ruangan 4802]

Rang Undang-undang Taman Negara [Ruangan 4823]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).**
- ” Menteri Tak Berpotfolio, **DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).**
- ” Menteri Tak Berpotfolio, **DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).**
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).**
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).**
- ” **JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).**
- ” **TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).**
- ” **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).**
- ” **TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).**
- ” **TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).**
- ” **TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).**
- ” **DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).**
- ” **DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).**
- ” **TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).**
- ” **TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).**
- ” **DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).**
- ” **DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).**
- ” **DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).**
- ” **TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).**
- ” **DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).**
- ” **PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).**
- ” **TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).**
- ” **PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).**
- ” **TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).**
- ” **DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).**
- ” **TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).**
- ” **DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).**
- ” **TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).**
- ” **TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).**

Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha : Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha : Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting : P. B. Menon.

Penolong Penyunting : Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 15hb Januari, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANLAYANAN PEGAWAI KERAJAAN
TERHADAP ORANG RAMAI

1. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar ada sebahagian kakitangan yang tidak bekerja sepenuh masa pejabat iaitu mereka tidak mahu melayan orangramai apabila sudah pukul 12.00 tengahari, sedangkan masa bekerja sebelah pagi berakhir pada 12.45 tengahari dan begitu juga mereka telah berhenti kerja apabila baru pukul 4.00 petang sedangkan masa tempat kerja ialah 4.15 petang; jika ya, nyatakan tindakan tegas beliau akan ambil terhadap perkara demikian.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak ada menerima apa-apa laporan atau aduan mengenai kes pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak melayani orangramai sebelum pejabat ditutup. Tetapi jikalau kes-kes ini memang berlaku maka pengaduan-pengaduan yang tertentu hendaklah dibuat kepada Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan atau kepada Biro Pengaduan Awam supaya dapat disiasat. Tindakan tatatertib yang bersesuaian akan diambil ke atas pegawai-pegawai yang cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka memberi layanan kepada orangramai.

Berkaitan dengan perkara ini saya juga ingin menerangkan bahawa ada juga pejabat-pejabat Kerajaan yang mengadakan peraturan khas mengenai masa dan waktu di mana perkhidmatan yang tertentu boleh diberi kepada orangramai seperti mengeluarkan lesen atau menerima cukai atau pembayaran yang lain. Dalam hal ini ada kemungkinan pembayaran wang tidak dapat diterima atau kaunter ditutup setengah jam atau lebih sebelum pejabat ditutup untuk membolehkan kakitangan yang berkenaan menyelesaikan tugas-tugas yang berkaitan seperti memasukkan wang ke dalam bank.

Ini adalah untuk melicinkan dan memperkemaskan jentera pentadbiran dan dalam hubungan ini Kerajaan mengharap kerja-sama dari pihak orangramai.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tahu ada Pegawai-pegawai Kerajaan berjudi di Genting Highlands, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan.

Kedua, Kerajaan tahu juga ada pegawai yang main golf, sebelum pukul 4.00 petang sudah ada di padang golf. Apa Kerajaan akan buat di atas perkara ini. Kita tidak payah mengadu lagi oleh kerana ini perkara yang benar. Adakah Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mereka?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi Kerajaan tidak tahu, mungkin yang berjudi itu selepas masa bekerja atau main golf itu selepas masa bekerja. Tetapi jika ada pengaduan yang kita terima, kita akan siasat, seperti saya kata tadi Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkejut Menteri yang berkenaan menjawab demikian, beliau tidak

tahu. Padahal sebenarnya ramai pegawai-pegawai yang balik sebelum pukul 4.15 petang tetapi saya tidak mengatakan semua pegawai Kerajaan, sebahagiannya memang ramai, Menteri sendiri tahu tetapi satu pentadbiran negara yang macam ini kita harus ingat memandang jauh, sebab Menteri-menteri yang memerintah negeri ini dipilih oleh rakyat. Jadi pentadbiran itu mencerminkan kekukuhan pimpinan orang yang dipilih oleh rakyat.

Saya hendak tahu, Tuan Yang di-Pertua, pertama bolehkah Menteri yang berkenaan menafikan perkara ini. Kalau beliau boleh menafikan, saya hendak cabar Menteri ini supaya menyamar pergi perlahan-lahan di mana-mana pejabat, beliau akan berjumpa orang yang balik sebelum pukul 4.15 petang; beliau akan berjumpa orang yang datang ke pejabat selepas masa yang ditetapkan dia patut datang. Perkara macam ini selalu berlaku. Apabila saya sebutkan macam ini bukan saya benci tetapi sumpah kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negara menjaga keutuhan negara kita. Sebab itu sebarang kepincangan negara, kita harus sebutkan. Saya harap Menteri yang berkenaan tolong jawab sekali lagi, adakah atau tidak perkara yang macam ini. Kalau tidak ada, mahukah Menteri sendiri pergi siasat? Kalau selepas beliau pergi siasat, didapati tidak ada; saya sendiri bersedia, beliau boleh summon saya di dalam court (*Ketawa*).

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini mintalah kerjasama dari Ahli Yang Berhormat itu memberitahu kepada saya di mana tempatnya, jam berapa supaya saya boleh siasat.

Ingin saya memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat, ada pegawai-pegawai Kerajaan yang dikehendaki bekerja waktu bercuti maka itu diganti satu hari waktu masa bekerja dia bercuti pula. Kadang-kadang terdapat ini boleh berlaku.

Tuan Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalahnya Kerajaan kita adalah berjiwa rakyat dan kakitangan Kerajaan diarah mengisytiharkan "Khidmat Cemerlang" bagi mereka yang memegang jawatan Kerajaan.

Masalahnya begini, Tuan Yang di-Pertua, ada atau tidak kakitangan keseluruhannya diberi pandangan ataupun kursus yang tertentu kepada pegawai-pegawai rendah ataupun pegawai-pegawai tinggi untuk beretiket, maksud saya berbudi bahasa kepada orangramai yang datang ke pejabat-pejabat. Ini telah berlaku, tak usahlah saya sebutkan Jabatan yang berkenaan di Melaka baru-baru ini di mana saya sendiri telah menyamar dan pergi ke sebuah Jabatan Kerajaan di mana saya berikan "Selamat pagi Encik", jawapan pun tidak ada dan dipersilakan duduk pun langsung tidak ada. Setelah saya duduk 20 minit berulah dia melayan saya, sebelum itu dia mengatakan kepada kawan yang bekerja dengannya di situ: Semalam aku cukup penat bekerja, tidak ada ganti oleh sebab mereka Cuti Krismas dan cuti hujung tahun." Sebelum itu ada seorang lagi duduk di hadapan saya, tidak juga mendapat layanan!

Kalau begitulah sikapnya pegawai-pegawai Kerajaan yang berjiwa rakyat "Khidmat Cemerlang" untuk kakitangan Kerajaan bagi melaksanakan tugas mereka terhadap rakyat yang tidak tahu menahu, yang mengharapkan Kerajaan kita Kerajaan yang begitu baik. Kalau begitulah keadaannya jika orang kampung datang ke pejabat, apakah pandangannya? Jadi soalnya adakah atau tidak bagi pihak jabatan-jabatan Kerajaan Negeri atau jabatan-jabatan Kementerian-kementerian di dalam negeri diberi kursus utama supaya berbudi bahasa, ada etiket sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan kita "Khidmat Cemerlang", Adakah atau tidak? Terima kasih.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, kursus dan latihan sentiasa diadakan dari masa ke semasa untuk pegawai-pegawai Kerajaan di mana termasuk di dalam kursus itu cara-cara melayan orangramai dengan cara diplomasi. Ini mungkin terdapat juga seorang dua pegawai, maklum sehajalah dalam beribu-ribu manusia itu ada juga barangkali yang mempunyai caranya yang tersendiri dan jika ini terdapat maka kita akan mengambil tindakan yang sesuai. Itulah sebabnya maka kita lancarkan 'Perkhidmatan cemerlang' untuk menimbulkan semangat kepada pegawai-pegawai Kerajaan supaya menjalankan tugas mereka dengan lebih bertanggungjawab dan untuk makluman Yang Berhormat kita telahpun mengadakan satu gerakan di

mana pegawai-pegawai Pusat kita akan akan dihantar ke luar untuk meninjau bagaimana Jabatan-jabatan Kerajaan menjalankan tugas mereka di tempat-tempat dan wilayah-wilayah.

KENYATAAN UMUM BAGI PEGAWAI KERAJAAN

2. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan sama ada menjadi satu kesalahan di bawah Perintah Am bagi seseorang Pegawai Kanan Kerajaan mengeluarkan buah fikirannya mengenai pentadbiran jabatannya berdasarkan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh ahli-ahli politik.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Perintah Am Bab 'D', Perenggan 18 (1), adalah salah bagi seorang pegawai Kerajaan membuat kenyataan umum yang menyuarakan pandangannya tentang pentadbiran jabatannya jikalau kenyataan itu bertentangan dengan dasar-dasar atau operasi jabatannya atau mana-mana dasar Kerajaan, Walau bagaimanapun tidaklah menjadi satu kesalahan sekiranya kenyataan itu dibuat untuk menjelaskan kepada orang ramai dasar-dasar jabatan itu atau dasar Kerajaan serta memberi penerangan atas operasi atau sistem pentadbiran jabatannya di dalam melaksanakan dasar Kerajaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam kuasa yang diberi kepada kakitangan Kerajaan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi berhubung dengan kenyataan pegawai-pegawai mengeluarkan pendapatnya, saya ingin mendapat tahu adakah dibolehkan kakitangan Kerajaan ini mengeluarkan pendapat-pendapatnya mengikut dasar parti politik yang sesuai yang cucuk dengan dasar Kerajaan?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi mengenai dengan cara-cara pentadbiran Kerajaan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, boleh atau tidak pegawai Kerajaan mengeluarkan cyclostyled circular dan memberi kepada orang ramai berkenaan

dengan kesilapan-kesilapan Kerajaan? Tadi dikatakan dia bercakap tetapi ini dia keluaran circular, dan jikalau sekiranya betul perkara itu, tindakan mestilah diambil dan Kerajaan mestilah siasat kepada siapa yang ditujukannya tetapi kalau tidak, apa tindakan Kerajaan pula terhadap diri pegawai itu?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sama juga macam orang mencuri, kalau tidak dapat, kita tidak boleh buat apa-apa.

UCAPAN/TEGURAN AHLI DI PARLIMEN—KAJIAN

3. Puan Zawiah binti Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada ucapan-ucapan, teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat ketika Dewan bersidang diambil perhatian dan dibuat kajian untuk menjadi asas bagi menyusun dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan atau ditinggalkan begitu sahaja dalam laporan persidangan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan yang agak sama telah diberi semasa menjawab pertanyaan yang Berhormat Senator T. S. Gabriel pada 11hb Disember, 1979. Saya tidak mempunyai apa-apa tambahan mengenainya.

SISTEM METRIK—TARIKH KUATKUASA

4. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilakah sistem metrik akan digunakan di seluruh negara untuk memberi kemudahan kepada orang ramai.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem metrik ataupun sistem unit antarabangsa akan digunakan sepenuhnya di dalam semua bidang di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sarawak dan Sabah selewat-lewatnya sebelum bulan Mac, 1982. Ini adalah berdasarkan kepada

Akta Timbang dan Sukat, 1972 di mana Kerajaan telah memperuntukkan masa selama 10 tahun untuk melaksanakan sistem tersebut.

Kementerian saya telah dan sedang mengambil tindakan berperingkat-peringkat bagi melaksanakan sistem metrik yang bertujuan supaya perubahan ini tidak akan mengelirukan orangramai. Penerangan-penerangan melalui risalah-risalah, buku-buku panduan, poster-poster, ceramah-ceramah, seminar-seminar dan lain-lain mass-media akan dipergiatkan lagi untuk memberi panduan dan pengetahuan asas mengenai sistem metrik kepada orangramai mulai tahun ini sehingga sistem tersebut dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1982.

Dalam masa pertukaran ini tindakan berperingkat-peringkat dilaksanakan di mana kedua-dua sistem imperial dan metrik bolehlah digunakan buat sementara waktu sebagai jadual perbandingan untuk pengetahuan orangramai. Sehingga hari ini beberapa bidang tertentu di beberapa buah jabatan seperti Jabatan Kastam, Pos, Kajicuaa, Keretapi, Pengangkutan Jalanraya, Cetak, Jabatan Pemetaan dan lain-lainnya telahpun menggunakan sistem metrik dengan sepenuhnya manakala beberapa badan-badan berkanun dan pihak swasta telah juga menggunakan sistem ini dengan luasnya.

Di bidang perdagangan runcit, para peniaga telah digalakkan untuk menggunakan sistem ini dengan mengadakan alat-alat timbang dan kiraan kilogramme dan kati pada tahun ini. Selepas Julai 1981 sistem metrik akan digunakan sepenuhnya di semua bidang perdagangan runcit, manakala di bidang barang-barang bungkusan (packaging industry) kesemua perusahaan telahpun menggunakan saiz-saiz metrik. Selepas 1982 hanya sistem metrik akan digunakan di seluruh negara termasuk semua bidang-bidang yang berkaitan dengan timbangan dan sukatan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya cuba hendak membuat soalan tambahan dalam Akta Timbang dan Sukat berhubung dengan perdagangan. Sekiranya telah dikuatkuasakan sistem metrik ini, adakah apa-apa langkah Kerajaan mengambil tindakan kepada ahli-ahli perniagaan meng-

gunakan sistem timbangan lama dan adakah Kerajaan juga berkuasa mengambil balik timbangan lama itu untuk dimusnahkan?

Dato' Lew Sip Hon: Seperti saya katakan tadi, dalam Akta Timbang dan Sukat, 1972 selepas 10 tahun daripada masa dikuatkuasakan Akta ini, Kerajaan akan menjalankan sistem metrik di semua bidang baik di pihak umum atau di pihak swasta. Jadi sesiapa yang menggunakan timbang atau sukat mengikut cara lama metrik atau kati ini tidak boleh dibenarkan dan dalam Akta ini ada peruntukan yang mana sesiapa yang menyeleweng menggunakan Akta ini, akan kena didakwa.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan sistem metrik ini akan dijalankan pada tahun 1982. Adakah ini melibatkan sekali dacing-dacing yang digunakan di kedai-kedai emas dan juga di kedai-kedai ubat?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, satu langkah yang mana kita menggunakan sistem metrik ialah juga menggunakan alat-alat timbang yang memberi penuh keyakinan kepada orang ramai khususnya pengguna-pengguna dan salah satu daripada alat-alat itu ialah yang dikatakan dacing yang mana boleh kita pegang dengan satu jari yang sekarang tidak digalakkan dan menggunakan balance yang mana pengguna dan penjual boleh pandang scale itu. Jadi di semua bidang perniagaan kita telahpun mengambil tindakan mengumumkan dacing ini akan dihapuskan. Cuma di dua bidang sahaja satu di kedai ubat Cina yang mana dengan alasan-alasan yang tertentu mesti menggunakan alat itu sebab kalau dipakai spring-balance akan memakan masa yang lama dan sesiapa yang mengambil satu prescription barangkali kena tunggu setengah jam atau lebih tetapi dacing yang digunakan di kedai ubat itu dan juga satu masa kelak di kedai emas ada scale dalam metric, bukan dalam kati.

Cuma dalam dua bidang ini sahaja tetapi yang lain seperti dalam pasar jual ikan, daging dan sayur itu sekarang digalakkan menggunakan timbang spring-balance.

JANTUNG BERLUBANG—PENYAKIT

5. Dato' Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan beberapa orang kanak-kanak yang mengidap penyakit jantung berlubang telah pergi ke luar negeri untuk mendapat rawatan dan pembedahan dengan perbelanjaan antara \$10,000 hingga \$30,000 tiap-tiap seorang sama ada Universiti Hospital Kuala Lumpur telah dilengkapkan untuk menjalankan pembedahan "jantung berlubang" ini setanding dengan taraf pembedahan hospital-hospital asing; jika ya, nyatakan jumlah pembedahan yang dilakukan di Universiti Hospital Kuala Lumpur dalam tahun 1979 dan 1978 dengan memberi bilangan kes-kes yang sembuh.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Hospital Universiti Kuala Lumpur telah dilengkapkan untuk menjalankan pembedahan "jantung berlubang" setanding dengan taraf pembedahan hospital-hospital asing. Jumlah pembedahan yang telah dilakukan di Hospital tersebut dalam tahun 1978 dan 1979 adalah seperti berikut:

		Open Heart	Close Heart
Tahun 1978			
Pembedahan	...	51	115
Kematian	...	4	0
Tahun 1979			
Pembedahan	...	54	120
Kematian	...	2	2

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan? Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu pada masa sekarang ini banyak orang yang jantung berlubang berubat ke luar negeri seumpama di Philipina dan orang-orang yang tiada duit itu meminta derma daripada orang ramai. Kalau sekiranya Hospital Universiti telah dilengkapkan dengan alat-alat yang seumpama ini tidakkah menjadi tanggungjawab kepada Hospital ini supaya mengubat pesakit-pesakit yang hendak pergi berubat ke luar negeri itu. Tidak payah mereka itu meminta derma menerusi surat-khabar supaya menghantar mereka ke Philipina dan sebagainya. Boleh atau tidak pada masa akan datang oleh kerana

Kerajaan telah menyediakan tempat di Hospital Universiti untuk mengubat pesakit jantung berlubang ini, kalau ada orang-orang yang hendak meminta bantuan kerana hendak menghantar pesakit itu ke luar negeri, mereka itu dipelawa supaya berubat di sini supaya orang ramai itu tahu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang tersebut yang diminta oleh Yang Berhormat itu memang sentiasa dilaksanakan akan tetapi kapasiti di Hospital Universiti ini adalah terhad.

ISTILAH DALAM BAHASA MALAYSIA

6. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih muncul keadaan kekacauan dalam penggunaan istilah dalam Bahasa Malaysia di mana istilah-istilah yang digunakan oleh mass media tidak boleh digunakan oleh pelajar-pelajar kita dalam sekolah atau dalam peperiksaan dan sama ada tindakan-tindakan sedang diambil supaya memperbetulkan keadaan itu.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian saya memang menyedari adanya penggunaan istilah yang tidak selaras dalam penggunaan Bahasa Malaysia. Istilah-istilah yang betul menurut kaedah peristilahan baru dalam Bahasa Malaysia yang dipakai selama ini adalah istilah-istilah yang diselaraskan dan diedarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Istilah-istilah inilah yang digunakan oleh pelajar-pelajar di sekolah-sekolah dan yang terdapat di dalam buku-buku teks serta yang digunakan secara sah di dalam peperiksaan. Kementerian saya sedang mengambil langkah-langkah tegas yang lebih berkesan untuk membetulkan salahguna istilah di sektor persekolahan selaras dengan istilah-istilah yang dipakai di dalam buku teks di sekolah-sekolah dan di dalam peperiksaan.

Berhubung dengan soal salahguna istilah di kalangan media am dan soal-soal yang ada kaitan dengannya, saya suka mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini membuat satu kenyataan. Pada penghujung tahun lepas 1979 satu persidangan para lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris, atas nama Persatuan Suluh Budiman yang diadakan di Kuantan telah membincangkan

atas soal apa yang dikenal sekarang sebagai pencemaran Bahasa Malaysia kita. Saya sangat tertarik dengan isi kandungan perbincangan yang begitu bernas. Saya sendiri berpandangan bahawa proses pencemaran ini harus dikesan dengan teliti dan yang lebih penting lagi ialah supaya cara-cara mengatasinya juga dikesan dan dilaksanakan.

Kita tidaklah seharusnya menyalahkan media am, pihak-pihak yang membuat iklan, kaum peniaga atau pekedai-pekedai yang menyebabkan keadaan bahasa kita digunakan dengan keadaan kucar-kacir dan tidak berhaluan. Apa yang harus kita terima ialah kenyataan bahawa hasrat mereka ini ialah hendak memenuhi konsep keperibadian nasional. Terpulanglah kepada pihak-pihak berkuasa Kerajaan dan pakar-pakar bahasa memberi bimbingan.

Berasaskan kepada faktor-faktor di atas, maka saya telahpun bersetuju menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas yang akan dianggotai oleh pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran, Dewan Bahasa, agensi-agensi yang ada perhubungan dan pakar-pakar bahasa kita dengan tujuan:

1. mengesan sejauh mana proses apa yang dikenal sebagai pencemaran bahasa ini berjalan;
2. sebab musabab terjadi demikian; dan
3. mengemukakan cadangan-cadangan khusus yang boleh dilaksanakan oleh pihak-pihak berkenaan supaya diperbetul serta dielakkan kejadian proses pencemaran ini.

Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh seorang pakar bahasa.

Saya percaya pengumuman keputusan saya ini memenuhi hasrat persidangan di Kuantan itu sendiri sambil menyatakan bahawa apa yang saya sebutkan tadi ada juga hubungan dengan soal asal yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Hashim: Soalan tambahan. Saya hendak memastikan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan sarikata filem-filem yang ditayangkan di seluruh negara kita. Adakah atau tidak bagi pihak Kementerian memberikan pandangan kepada pihak berkenaan di dalam masalah bahasa yang disarikata dalam filem-filem itu?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak oleh sebab soal ini belum timbul. Insya Allah setelah jawatankuasa khas ini membuat laporannya barangkali bimbingan akan dapat diberi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Bila ditubuhkan Jawatankuasa Khas ini dan akan berjalan kelak, adakah Kementerian dapat memberi jaminan bahawa pencerobohan, pencabulan Bahasa Kebangsaan itu tidak akan berulang lagi dan dalam Jawatankuasa ini adakah termasuk pegawai-pegawai daripada universiti dalam negeri ini. Adakah sekarang Dewan Bahasa dan Pustaka itu adalah jumlah gedung bahasa yang tidak betul?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soalan ketiga, jawapan setahu saya tidak. Soalan yang pertama berhubung dengan penjaminan, saya tidaklah dapat memberi jaminan oleh sebab Jawatankuasa ini akan memberi cadangan-cadangan untuk cuba mengelak. Saya fikir di dalam soal apa yang dikatakan pencemaran bahasa ini, ini ialah satu soal yang boleh dikatakan satu semasa oleh sebab bahasa kita ini ialah satu bahasa yang dinamis, bahasa yang hidup yang sentiasa menerima input, istilah-istilah bahasa luar, bahasa lain untuk mengayakan bahasa kita sebagai permulaan.

Dan yang kedua proses apa yang dikatakan pencemaran, sebenarnya ada hubungan dengan salah guna, salah syntax atau salah ayat dan sebagainya yang terjadi di kalangan mereka yang hendak menggunakan bahasa kita tetapi kurang faham. Jadi itulah sebab timbulnya keadaan pencemaran ini. Inilah satu perkara yang terjadi dan terus terjadi dan saya tidaklah boleh memberi jaminan menyatakan ini tidak akan jadi. Tetapi apabila terjadi nanti dan kalau terjadi akan dapat kita memberi bimbingan atau nasihat kepada mereka yang berkehendakkanya.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri bahawa Jawatankuasa Mengkaji Pencemaran Bahasa ekor dari Konvensyen Pelajaran di Kuantan. Hanya saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan berapa

lamakah jawatankuasa ini bekerja sehingga dapat dilaporkan oleh Kementerian Pelajaran kepada umum.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, ini akan saya serahkan kepada Jawatankuasa itu sendiri membuat kepastian berapa lamakah mereka boleh menjalankan tugasnya dengan cara minima secepat mungkin. Saya belum tiba ke peringkat sendiri dapat mengetahui berapa lama harus saya memberi masa (target) dia menghabiskan kerja. Walau macam manapun mereka sendiri akan diberi arahan secepat mungkin oleh sebab saya tahu bahawa Konvensyen di Kuantan itu telah memandang berat atas keadaan yang sedang terjadi dan saya sangat sukacita menyatakan bahawa Ahli Yang Berhormat yang bertanya tadi ialah seorang daripada aktivis di dalam beberapa beberapa mesyuarat yang diadakan di Kuantan.

PENYALAHGUNAAN DADAH

7. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan Pegawai-pegawai Biro Narkotik yang bertugas di tiap-tiap Negeri dan adakah bilangan ini mencukupi untuk menentang bertambahnya kejadian-kejadian penyalahgunaan dadah di Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun dulu apabila Kerajaan menentukan bahawa Biro Narkotik dipindahkan ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, saya telah mengumumkan dan sudah melaksanakannya juga iaitu Biro Narkotik ini dibubarkan sejak bulan Ogos, 1979 dan tidak ada lagi. Segala urusan mengenai dadah adalah di bawah Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri.

Urusetia Dadah ditubuhkan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya sebagai Menteri berkaitan ditugaskan untuk menyelaraskan segala kegiatan tentang dadah. Dalam pendekatan dan cara baru mengenai masalah dadah itu kita menghadapinya menerusi empat jurusan.

Satu, jurusan penguatkuasa. Ini dijalankan oleh Polis dan Kastam. Satu pemulihan dan rawatan, ini dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebajikan Am. Satu lagi, pendidikan dan pencegahan serta penerangan dan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Penerangan serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dan satu lagi iaitu penyelidikan (research), kita letakkan tanggungjawab ini di Universiti Sains Pulau Pinang.

Jadi dengan cara ini sudah mula kita dapat hasilnya iaitu pada tiap-tiap badan ini tadi ada mempunyai "ting tong"nya sendiri apabila diselaraskan dan dimajukan serentak maka kita sudah berasa kemajuan di dalam perjuangan kita untuk membasmi dadah di dalam negara ini, tetapi ini bukan bermakna kita mencapai kejayaan (success) 100% kerana banyak lagi urusan yang kita mesti buat. Umpamanya di dalam sektor penguatkuasaan termasuk di dalam Polis dan Kastam kita terpaksa menambah bilangan anggota supaya dapat memerhatikan khususnya untuk hal ini sahaja. Di dalam polis sahaja mengikut perkiraan kita kena tambah sekurang-sekurang 3000 orang lagi anggota. Jadi segala ini akan diusahakan pada masa ini dan insya Allah lambat laun kita akan dapat membasmi penyakit dadah.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan saya cuma ingin membangkitkan di dalam Urusetia Dadah dan juga berhubung dengan kata Yang Berhormat tadi iaitu kuatkuasa bagi pihak sektor Kastam dan Polis. Adakah Kementerian ini sedar bahawa kuasa ini banyak mempunyai kelemahan. Dengan sebab itu pihak polis dan kastam bila mana menangkap pengedar dadah dibawa ke mahkamah kadangkala dengan mudahnya kes-kes dibuang bicara.

Yang kedua, dalam hendak membanyakkan anggota-anggota polis kita dalam bahagian dadah ini, di manakah tempat Kerajaan memberikan latihan kepada pegawai-pegawai ini supaya dapat benar-benar anggota ini menjalankan khidmatnya dan membasmi dadah dalam negeri kita ini. Walhal saya dapat tahu Kerajaan Amerika sendiri memberikan tawaran yang banyak kepada anggota-anggota kita. Adakah ini juga dapat kita hantarkan mereka ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kelemahan undang-undang sentiasa kita kaji. Mana ada sahaja maka segala kelemahan ini kita perbaiki. Kalau terpaksa kita bawa ke Parlimen, sudahpun kita bawa ke Parlimen. Mana yang boleh kita gunakan kuatkuasa cara lain, kita gunakan kuatkuasa cara lain.

Tetapi adalah juga masanya sekiranya kes itu tidak lekat umpamanya ini bukan kerana kelemahan undang-undang tetapi oleh pandainya orang-orang yang sabit kesalahannya tadi melepaskan dirinya. Tetapi ini bukan bermakna bahawa kita akan mengurangkan tenaga kita kerana kita berasa, kita sudah cukup kuat bahkan kita memang tahu dan sedar, kadang-kadang saya berasa melawan dadah ini tadi macam "berenang mudek" Itu saya hendak cakap. Kayuh macam mana, kita setakat itu juga. Kerana ini adalah kerana banyaknya bergantung bukan sahaja kepada Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan tetapi juga daripada orangramai sendiri; ibubapa, hanya yang diharapkan sekarang dengan adanya rancangan yang kita buat pada masa ini sektor pendidikan tadi kita harapkan dapat dididik anak kita itu daripada kecil lagi ataupun dari bangku sekolah lagi. Bahkan daripada buaian kita didik supaya bencikan dadah ini seperti juga orang Melayu bencikan kepada babi.

Jadi inilah rancangan yang kita hendak buat yang kita harapkan walaupun tidak dapat dalam masa setahun, dua tahun, dua puluh tahun mahupun 30 tahun rancangan itu mestilah berjalan supaya jenerasi yang baru esok akan membenci dadah.

Soal tempat latihan ini memanglah diatur dan juga kita menghantar pegawai-pegawai kita keluar negeri khasnya ke negara-negara yang sanggup menawarkan latihan kepada kita termasuklah Amerika Syarikat. Latihan ini bukanlah hanya terhad kepada manusia bahkan binatang yang membantu kita umpamanya anjing pun kita memberi latihan.

Datuk Syed Hassan Aaidid: Tuan Yang di-Pertua, soal dadah memanglah semua orang tahu, ianya antara dua—antara pengedar dan yang mengguna dadah itu iaitu penagih. Yang lebih bahaya ialah pengedar. Saya sungguh tertarik hati dengan ucapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu pada satu ketika patut kita adakan satu undang-undang kalau didapati yang pengedar

ini benar-benar salah maka selain daripada dihukumkan maka dirampas hartanya. Jadi soal pokok ialah pengedar. Kita tidak boleh salahkan sangat kepada orang penagih kerana apabila dia terkena penyakit ini dia tidak boleh hidup tanpa ubatnya sehingga saya tahu betul-betul dalam Penjara Pulau Pinang setengah daripada orangnya ialah yang bersalah daripada melibatkan dadah. Soal yang saya hendak bertanya ialah tidakkah polis apabila menangkap orang yang terlibat ini press the issue supaya dapat tahu manakah dia dapat dadah. Memang ada boleh dikatakan di dalam negara kita ini banyak tetapi mereka duduk di atas dan boleh dikatakan bersembunyi dan yang kena ini orang bawah. Dapatkan tidak supaya pasukan polis yang menangkap orang-orang ini put the pressure supaya dapat orang-orang yang mengedarkan dadah?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa pengedar ini adalah pihak yang kejam, itu kita tidak nafikan tetapi juga hendaklah kita bersama-sama memikirkan hal ini tidak akan ada pengedar kalau tidak ada pelanggannya. Jadi, maksud saya tadi dalam rancana kita membasmi dadah ini sama-sama kita mesti membasmi. Kalau selagi ada pelanggannya memang adalah pagedarnya tetapi kalau sudah mula pelanggannya kurang atau tidak ada lagi pelanggan maka macam orang China menjaja daging babi di kampung Melayu memang tidak laku. Maka soal bagaimana kita boleh menangkap atau mengesan kepala-kepala pengedar ini tadi, ini memang berjalan sentiasa dan kadang-kadang orang ini adalah international, bukan di sini. Kita sentiasa berjalan dan kita berhubung dengan Interpol dan dengan negara-negara jiran untuk mengesan mereka dan banyak daripada mereka itu sudah dapat ditangkap. Kalau Tuan Yang di-Pertua ingat, tidak sampai dua bulan dahulu seorang yang masuk ke Pulau Pinang daripada negara jiran kita tangkap dan kita serahkan dia balik kepada negara yang memintanya. Ini adalah bukti-bukti bahawa kita dapat mengesan mereka ini. Yang payahnya walaupun kita dapat mengesan si anu kepala dadah itu tetapi bukti membawa ke mahkamah itu tidak ada, hanya dapat dijalankan kuasa di tangan Kementerian Dalam Negeri. Kita memang tahan mereka selama dua tahun menggunakan kuasa-kuasa yang

istimewa itu tadi. Jadi tidaklah dibaca dalam suratkhbar bahawa kepala-kepala pengedar dadah ini tertangkap oleh kerana kuasa itu kita tidak dapat menyebarkan keluar.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tentulah Yang Berhormat Menteri tahu iaitu di negeri-negeri komunis orang-orang yang menghisap dadah ini langsung tidak ada. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah sebab-sebabnya orang itu tidak menghisap dadah? Adakah kerana negara kita ini demokrasinya, cara bebas ataupun orang sentiasa boleh masuk keluar dengan senangnya ataupun ada sebab-sebab yang lain. Kalau difikirkan pantai, pantai negeri China itu cukup panjang, begitu juga di Russia tetapi orang-orang di sana tidak heboh dengan dadah dan tentu ada sebab-sebabnya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan di atas perkara ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mengikut kajian kita tidak benar kenyataan bahawa negara komunis itu tidak ada dadah. Ini kita tidak baca sahaja. Saya sendiri berhubung dengan Tuan Pham Van Dong, Perdana Menteri Vietnam, bertanyakan bagaimanakah berkenaan dengan dadah di sana. Dia pun kata, pusing kepala. Saya minta daripadanya literature-literature atau ajaran-ajaran yang dia boleh beri kepada saya dari pengalamannya di Vietnam Utara dan Selatan. Saya sudah cuba menyusur baru-baru ini dan kalau ada apa-apa literature saya belum menerima lagi. Tetapi maksud saya tadi tidaklah benar kalau dikatakan negara komunis itu sunyi daripada dadah tetapi hanya tidak keluar berita itu dan kadang-kadang di negeri China pun memang ada, memang banyak. Negeri Russia pun memang ada kejadian hanya tidak disiarkan dengan cara kita di sini. Umpama negeri Russia memang banyak dadah (poppy) ditanam dekat dengan bordernya sendiri di Turki. Begitu juga di negeri China; di Vietnam apatah lagi daripada Laos, 'Golden Triangle'. Jadi penyakit ini bukanlah penyakit dalam negara-negara demokrasi sahaja negara yang tidak berdemokrasi pun banyak menerima penyakit ini selain daripada negara komunis.

SISTEM PERSEKOLAHAN

8. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Pelajaran menyatakan usaha-usaha yang diambil untuk menjadi semua sistem persekolahan di Malaysia sebagai sistem persekolahan Bahasa Malaysia dan nyatakan bila sistem itu dapat dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, rancangan alihbahasa di sekolah-sekolah bermula sejak tahun 1970. Proses ini berjalan secara berperingkat-peringkat bermula dari Darjah Satu sehinggalah ke peringkat pendidikan tinggi. Ini bermakna bahawa menjelang tahun 1983 seluruh sistem pendidikan di negara ini dari Darjah Satu hinggalah ke peringkat universiti akan menggunakan satu bahasa penghantar sahaja, iaitu Bahasa Malaysia dan bahasa-bahasa lain diajar kepada murid-murid hanyalah sebagai satu matapelajaran sahaja.

Namun begitu di peringkat rendah struktur pendidikan dalam tiga aliran seperti yang wujud sekarang terus dikekalkan, iaitu aliran-aliran Bahasa Kebangsaan, bahasa China dan bahasa Tamil. Adalah diingatkan bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan yang diasaskan oleh Jawatankuasa Pelajaran, 1956 tidak berubah terutama mengenai perkara-perkara pokok seperti perpaduan kaum. Para 9 dan 10 Penyata Razak (Razak Report) jelas menggariskan isu-isu yang di anggap penting bagi penyatuan rakyat dan kestabilan negara kita. Oleh itu sistem pendidikan negara seperti yang wujud sekarang ini dan yang diperbaiki dari semasa ke semasa terutama dari segi pelaksanaannya, diteruskan.

KEMATIAN BAYI DI TRENGGANU

9. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kesihatan menyatakan hasil kajian dan perbincangan tentang kadar kematian bayi yang begitu tinggi di negeri Trengganu dan cara untuk mengatasinya.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa kadar kematian bayi bagi Negeri Trengganu telah turun sejak tahun 1966 yakni daripada 69.59 bagi tiap-tiap 1,000 kanak-kanak lahir

hidup pada tahun 1966 kepada 36.59 pada tahun 1977 sungguhpun kadar ini masih lebih tinggi jika dibandingkan dengan kadar kebangsaan iaitu 31.70.

Kementerian Kesihatan memang sedar atas keadaan ini dan sedang memberi keutamaan kepada negeri ini dan juga negeri-negeri Kelantan, Pahang, Kedah, Perak dan Perlis khususnya. Kementerian ini sedang merancang rancangan bergerak Kesihatan Masyarakat (Community Health Movement) di mana satu kajian telah dibuat untuk menentukan kawasan-kawasan yang kurang atau tiada disediakan dengan kemudahan kesihatan. Di kawasan-kawasan ini termasuk kawasan-kawasan terpencil, Kementerian ini akan mengadakan pasukan kesihatan bergerak sementara waktu sehingga kemudahan kesihatan yang tetap disediakan. Di samping itu juga, beberapa golongan masyarakat akan diberi didikan bagaimana meninggikan taraf kesihatan mereka dengan usaha-usaha sendiri.

Negeri Trengganu juga merupakan sebuah negeri di sana keutamaan diberi untuk projek-projek khas seperti Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan, Rancangan Kesihatan Alam Sekeliling dan Rancangan Membasmi Malaria. Kementerian Kesihatan juga sedang menggiatkan aktiviti-aktiviti, khasnya perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak yang diberi keutamaan, kawalan penyakit-penyakit berjangkit yang mengakibatkan kematian kanak-kanak kecil di kawasan-kawasan luar bandar.

Suka saya memaklumkan bahawa selain daripada memperbaiki perkhidmatan kesihatan, faktor-faktor lain juga perlu diperbaiki untuk menurunkan kadar kematian bayi. Faktor-faktor seperti memperbaiki keadaan sosio ekonomi masyarakat, pendidikan komunikasi dan lain-lain adalah penting untuk menjayakan usaha-usaha ini kerana kadar kematian kanak-kanak ialah satu petunjuk keadaan sosio ekonomi sesuatu negara.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Dari kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak disebutkan satu daripada faktornya iaitu dasar Kementerian Kesihatan pada masa sekarang ini menempatkan bidan-bidan yang terlatih atau bidan-bidan Kerajaan bagi tiap-tiap kawasan yang penduduknya 8,000

orang. Kalau sekiranya tidak sampai penduduknya 2,000 orang, tidak adalah bidan Kerajaan ataupun kelinik bidan disediakan di situ. Adakah betul ataupun tidak. Sekiranya betul begitu, bagi negeri Trengganu ataupun negeri Pahang yang penduduk-penduduk luar bandarnya berselerak dengan sebab kawasannya besar, adakah Kementerian Kesihatan akan mengekalkan dasarnya yang boleh mengeciwakan penduduk-penduduk luar bandar dengan kematian bayi-bayi sebagaimana yang dinyatakan tadi dan hingga bilakah perisytiharan seumpama ini akan dikekalkan. Tidakkah ada di dalam rancangan Kementerian Kesihatan oleh kerana kematian bayi-bayi ini begitu serius maka rancangan menempatkan bidan-bidan dengan kadar penduduk sebanyak 2,000 orang dalam satu-satu tempat itu diubah dengan mengadakan kawasan tiap-tiap 10 batu persegi misalnya seorang bidan Kerajaan walaupun penduduknya tidak sampai 2,000 orang. Tidak bolehkah dibuat begitu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ketidakadaan bidan terlatih merupakan salah satu daripada faktor menyebabkan tingginya kematian bayi di Trengganu tetapi ada faktor-faktor lain yang lebih mustahak lagi iaitu masalah penyakit-penyakit berjangkit, masalah underweight atau bayi terlampau kecil waktu lahir ignorance daripada ibubapa sendiri, masalah kurang zat makanan dan masalah komunikasi atau perhubungan.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, musim tengkujuh ada satu kes di mana satu kawasan itu banjir seorang ibu hendak melahirkan anak mendapati susah. Oleh kerana perhubungan tidak ada maka kadangkala matilah sama ada ibu ataupun anak atau kedua-dua mereka. Jadi bidan hanya boleh merupakan salah satu daripada faktor seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dan faktor-faktor lain memang ada. Itulah saya katakan dalam jawapan saya tadi selain daripada faktor-faktor yang ada kaitan dengan Kementerian Kesihatan, perkara-perkara lain patut juga kita perbaiki, seperti masalah komunikasi, masalah pelajaran, makanan dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa memperbaiki kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan di negeri-negeri seluruh Malaysia.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit angka-angka di sini, Bilangan pusat-pusat kesihatan yang kemudahan kesihatan telah disediakan di Trengganu, umpamanya pusat kesihatan dalam tahun 1970 hanya 3, tahun 1970—6. Klinik Ibu-ibu dan Kanak-kanak, tahun 1970—2, sekarang meningkat menjadi 10. Di Pusat Kesihatan Besar pula tahun 1970 hanya 4, sekarang menjadi 11 dan sebagainya. Jadi ini membuktikan dengan jelas bahawa Kementerian Kesihatan sentiasa sedar atas kemudahan-kemudahan yang berkurangan yang ada di kawasan-kawasan luar bandar, kemudahan-kemudahan yang tidak mencukupi dan memuaskan diubahsuai Kementerian mengubah dasarnya supaya dapat kita mencapai matlamat untuk meninggikan taraf kesihatan penduduk-penduduk khususnya mereka yang tinggal di luar bandar.

PERGOLAKAN DI KAMPUCHEA

10. Datuk Choo Ching Hwa bertanya kepada Menteri Luar Negeri memandangkan pergolakan di Kampuchea apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh beliau untuk menjamin keselamatan negara dan rakyat.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang sama atau hampir sama atau berkesudahan dengan soalan tambahan yang sama telah dibuat dalam Dewan ini. Untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini, saya tidak berhajat untuk menambahnya lagi.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab memandangkan perkara ini sangat penting bagi negara kita, saya suka bertanya, Piagam Bangsa-bangsa Bersatu tiap-tiap negeri yang lain menceroboh sebuah negeri yang lain, Bangsa-bangsa Bersatu adalah menentang dan tidak membenarkannya. Saya suka bertanya, salah satu daripada usaha Bangsa-bangsa Bersatu yang kita tahu di peringkat-peringkat akhir apabila negara yang diceroboh itu misalnya difikirkan sudah selayaknya ditolong, Bangsa-bangsa Bersatu akan menghantar tentera-tentera Bangsa-bangsa Bersatu sekurang-kurangnya menjaga merebaknya bahaya penaklukan yang demikian rupa.

Saya suka hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai ASEAN, 5 buah negara yang bergabung dalam Bangsa-bangsa Bersatu, adakah Kementerian Luar Negeri berfikir sampai masanya kita lima buah negeri ini akan menyambut Piagam Bangsa-bangsa Bersatu secara amalan kita sendiri, 5 bangsa dalam ASEAN sendiri menghantar tentera kita di sempadan Thailand bagi menyelamatkan secara awal dari penyakit menular membahayakan negara kita pada masa akan datang.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator telah menyebut tentang amalan Bangsa-bangsa Bersatu dan mengikut amalan Bangsa-bangsa Bersatu sebarang tindakan seperti itu juga dibuat melalui badan Bangsa-bangsa Bersatu, oleh sebab itu kalau Malaysia hendak berbuat demikian, hendaklah melalui Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Kalau begitu, adakah Kementerian Luar Negeri bercadang membawa usul ini ke Bangsa-bangsa Bersatu?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, usul yang memerlukan permohonan untuk Bangsa-bangsa Bersatu mengambil tindakan sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi telahpun dikemukakan oleh pihak negara Thai dan Malaysia adalah menyokong permohonan permintaan Thailand ini.

SISTEM METRIK PENGANGKUTAN JALAN

11. Tuan Alexander Lee minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejajar dengan Program Kerajaan untuk menggunakan sistem metrik dalam negeri ini, bilakah berat dan had laju kenderaan akan ditulis dengan unit metrik di sebelah menyebelah badan kenderaan perdagangan iaitu dari cwt dan paun ke kilogram dan di belakang kenderaan perdagangan dari Batu Satu Jam (BSJ) ke Kilometer Satu Jam (KMSJ).

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, penukaran ke sistem metrik bagi pengangkutan jalan adalah dirancangan

oleh Jawatankuasa Kecil Penukaran tersebut yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Metrik, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Rancangan penukaran berat dan had laju kenderaan dalam sistem metrik dijalankan dalam tahun 1960 ini. Penukaran berat dalam metrik ini bukanlah sahaja melibatkan penukaran tulisan sahaja bahkan memerlukan penukaran mesin timbang dan sistem yunit metrik juga.

Tentang had laju kenderaan perdagangan ini akan diuruskan dengan cara berperingkat apabila kenderaan baru datang membuat pemeriksaan awal dan pemeriksaan biasa mulai tahun 1980.

PONDOK TELEFON

12. Puan Dasimah Dasir (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilangan pondok-pondok telefon yang boleh digunakan di merata negeri ini serta bilangan yang boleh digunakan di negeri Johor.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka-angka yang diperolehi pada 30-11-1979 jumlah besar bilangan pondok telefon awam di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak ialah sebanyak 3,194 buah. Daripada jumlah ini 473 buah adalah didapati rosak.

Bagi negeri Johor pula jumlah bilangan pondok-pondok telefon awam ialah sebanyak 484 buah yang mana 86 buah daripadanya adalah didapati rosak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 13.

KAD PENGENALAN MERAH

13. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan ramainya rakyat di Negeri Sabah yang tidak mempunyai Kad Pengenalan atau

mendapat kad berwarna merah serta menginsafi bahawa pemegang-pemegang surat beranak yang bertulis "NO NAME" sama ada Kerajaan Persekutuan akan:

- (a) mempercepatkan pengeluaran kad-kad pengenalan yang dipohon;
- (b) mengiktirafkan Surat Akuan beranak yang ditandatangani oleh Ketua-ketua Kampung, Ketua-ketua anak Negeri, Ketua-ketua Daerah, Pegawai Daerah sebagai ganti sah sijil beranak untuk penduduk-penduduk anak Negeri di Sabah untuk mengelakkan supaya diberikan Kad Pengenalan berwarna merah;
- (c) mempergiatkan lagi gerakan mendaftar pemohon baru di kawasan-kawasan terpencil dan menyasiat permohonan-permohonan yang belum diselesaikan dalam tempoh selewat-lewatnya enam bulan sekali;
- (d) mempercepatkan pengeluaran sijil-sijil kewarganegaraan kepada pemohon yang sudah bermastautin tidak kurang dari 7 tahun di Sabah kecuali mereka yang mempunyai rekod-rekod keselamatan; dan
- (e) mengambil tindakan positif untuk mempercepatkan penukaran surat-surat beranak yang bertulis "NO NAME".

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Usaha dan segala ikhtiar untuk mempercepatkan sentiasa dibuat supaya Kad-kad Pengenalan ini dapat dikeluarkan dengan segera.

(b) Kerajaan tidak dapat mengiktiraf surat akuan tersebut sebagai ganti sah Sijil Beranak tetapi ianya boleh digunakan sebagai pengesahan butiran-butiran pemohon lagi maksud memohon Kad Pengenalan. Untuk menentukan sama ada pemohon itu diberikan Kad Pengenalan Biru atau Merah adalah terletak kepada taraf pemohon itu adakah dia itu seorang warganegara atau tidak.

(c) Pada masa ini Pasukan Bergerak yang saya buat beberapa buah di bawah Jabatan Pendaftaran melawat dan memberikan perkhidmatannya kepada penduduk-penduduk di kawasan pedalaman dan di kawasan terpencil setiap dua atau tiga bulan sekali. Lawatan tambahan akan dilakukan ke kawasan-kawasan seperti itu bila keadaan

memerlukan. Tempoh masa pengeluaran Kad Pengenalan yang memerlukan penyiasatan adalah tergantung kepada keadaan tiap-tiap pemohon.

Soalan (d) ini kalau dimasukkan pemohon kewarganegaraan di Sabah di bawah Perkara 16A Perlembagaan, iaitu pemohon-pemohon daripada orang-orang yang bermastautin di Sabah semenjak Hari Malaysia lagi, ini boleh dikatakan kebanyakannya sudah selesai. Kedudukan perangkaan permohonan diterima ialah 43,142 sehingga hari ini yang sudah diselesaikan 41,645. Jadi bermakna 96.5% sudah selesai. Yang tinggal adalah 3.5%. Jadi dengan demikian, saya rasa soal mempercepatkan lagi daripada itu tidaklah dapat hendak dibuat.

Mengenai soalan (e) bahawa Surat-surat Beranak yang bertulis "No name" ini satu penyakit. Apabila lahir, ibu dan bapa atau pelapor tadi tidak dapat menentukan namanya, jadi kosong atau ditulis "no name" di dalam Sijil Beranak itu. Ini memang banyak berlaku. Jadi perkara ini boleh ditukar. Mengikut Undang-undang Sabah boleh ditukar—bukan ditukar tetapi disahkan iaitu kalau ada betul-betul keterangan bahawa yang memegang Surat Beranak "No name" ini adalah si anu, ditentukan oleh pihak-pihak yang boleh diterima, maka bolehlah diletakkan namanya ke dalam Sijil Beranak itu. Tetapi di Sabah ini dibuat tempoh edah hanya 11 tahun daripada hari dia dilahirkan. Jadi kalau terlewat daripada itu, saya pun kaku, tidak dapat hendak berbuat apa-apa, terpaksa pada masa ini saya memikirkan apakah kita mesti mengubah undang-undang di Sabah itu supaya membolehkan mereka yang namanya "No name" tadi diberi "name." (*Ketawa*)

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah ditaruh "no name," kita pun tidak tahu apa sebab "No name bin si anu." Bolehkah dibuat begitu? (*Ketawa*)

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, itu susah sedikit tetapi mana yang syak bin itu diletak apa-apa sahaja. Ada setengahnya ditaruh "bin Resident." (*Ketawa*)

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak faham mengapa anak sendiri ditaruh nama "No name" ini. Jika Sabah telah membuat sebelum masuk dalam Malaysia, saya tidak hairan, tetapi apabila sudah masuk dalam Malaysia, dia mesti mengikut peraturan undang-undang yang dikanunkan dalam negeri ini. Dalam negeri ini sebagaimana yang kita semua tahu tidak ada seorang anak yang boleh dinamakan "Tidak Ada Nama." Dapatkah Yang Berhormat Menteri mengatakan di Sabah sekarang tidak berlaku lagi pada masa ini "No name" itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, inipun tidak berapa tepat. Di Semenanjung inipun banyak juga yang ditaruh "No name," tetapi undang-undang kita tidak menghadkan 11 tahun. Bila sudah ke pintu kubur pun boleh kita tukar lagi namanya kalau betul-betul nyata tetapi di Sabah tidak dapat, 11 tahun sahaja. Jadi problem ini bukanlah dikatakan tidak ada di Semenanjung—ada, tetapi dapat kita atasi. Kalau betul-betul ada buktinya bahawa "si anu" itu adalah orang yang dikatakan "No name" ini tadi.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya buat soalan tambahan sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai soal "No name" tadi, kata Yang Berhormat Menteri tadi 11 tahun boleh dapat warganegara. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan, kalau tidak ada orang yang mengakui, umpamanya Ketua Kampung ataupun Penghulu yang mengesahkan orang yang "No name" ini tadi bagaimana kejadian orang itu dan bagaimana kesudahan orang yang "No name" ini tadi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah terkeliru sedikit. Yang pertama tadi bolehkah tidak kita mengiktirafkan Surat Akuan itu jadi seolah-olah ia Surat Beranak. Itu tidak dapat mengikut undang-undang—tidak boleh. Ini tadi untuk menentukan yang pembawa surat yang mengetakan "No

Name” ini tadi adalah “si anu”. Ini buktinya nama ayah, nama ibu, kalau ada Ketua Kampung mengatakan ya, inilah anak ayahnya, ini nama ibunya yang “no name” tadi dialah. Itu kita terima diberi nama.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 18 adalah diberi bawah ini).

UNDANG-UNDANG TALI PINGGANG KELEDAR

14. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandang kepada kurang bahaya dengan pemandu-pemandu memandu kenderaan mereka di dalam bandar dengan had laju 30 b.s.j. adakah Kerajaan bercadang melonggarkan undang-undang pemakaian tali pinggang keledar bagi kenderaan-kenderaan dalam bandar.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Saya tidak bercadang pada masa sekarang untuk melonggarkan undang-undang pemakaian tali pinggang keledar bagi kenderaan-kenderaan dalam bandar.

KECEMARAN UDARA—KAWALAN

15. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menyekat kecemaran udara oleh lori-lori dan kenderaan-kenderaan yang menggunakan injin disel khususnya di Ibu Negara Kuala Lumpur.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Untuk mengawal kecemaran udara oleh kenderaan-kenderaan disel, Kerajaan telah melaksanakan undang-undang iaitu “kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977” yang dikuatkuasakan pada 15hb March 1978.

Kenderaan perdagangan (commercial vehicles) yang kebanyakannya menggunakan injin diesel adalah dikehendaki diperiksa oleh Jabatan Pengangkutan Jalan tiap-tiap 6

bulan sekali. Pemeriksaan ini meliputi ujian terhadap asap-asap yang dikeluarkan oleh kenderaan itu.

Jabatan Pengangkutan Jalan akan menambah bilangan pemeriksa-pemeriksa kereta motor dan juga meter asap sebagai langkah tegas untuk mengawal kecemaran udara oleh kenderaan-kenderaan disel.

SINDIKET MEMBELI RUMAH-RUMAH

16. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dengan adanya sindikit yang tertentu dengan menggunakan agen-agen mencari keuntungan atas angin melalui tempahan rumah-rumah di projek-projek perumahan swasta yang sedang dibina dalam negara kita dan kemudiannya dipindahmilik kepada orang-orang asing dari luar negeri telah mengakibatkan harga-harga rumah di negara kita melambung naik ke paras yang paling tinggi, jika ya, sama ada beliau akan mengkaji supaya mengadakan satu rang undang-undang untuk menyekat orang-orang luar negeri memiliki rumah kediaman atau rumah kedai tanpa mendapat kebenaran daripada pihak Kerajaan bagi menjamin rakyat berpendapatan rendah juga berpeluang untuk memiliki rumah kediaman sendiri.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Kementerian saya tidak sedar adanya sindiket-sindiket yang tertentu yang menjadi agen membuat tempahan rumah-rumah dan kemudiannya menjual kepada orang-orang asing. Dalam hal ini tidak ada sekatan dan adalah menjadi hak individu untuk membeli dan menjual rumah-rumah kepada siapa yang mereka suka. Di dalam hal di mana rumah-rumah tersebut dipindahmilik kepada orang-orang asing perkara ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Kanun Tanah Negara dan ini terpulanglah kepada Pejabat-pejabat Tanah untuk menentukannya. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat mengenai perkara yang demikian, silalah perkara ini dilaporkan kepada Pejabat-pejabat Tanah yang berkenaan.

KEKURANGAN MINYAK DIESEL

17. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan kesukaran yang dialami oleh orang ramai kerana kekurangan minyak diesel dan memandangkan harga bahan tersebut telah dinaikkan dua kali tahun ini, langkah-langkah Kerajaan untuk mengesan sebab-sebab berlakunya kekurangan bahan tersebut dan sama ada PETRONAS dapat mengadakan lebih banyak stesyen minyak diesel untuk mengatasinya.

Dato' Lew Sip Hon: Saya telahpun menjawab soalan yang serupa semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Hajjah Fatimah binti Haji Salim pada 12-12-1979 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

PEMBATALAN PENERBANGAN KUALA LUMPUR-IPOH

18. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa pada amnya terdapat pembatalan penerbangan antara Kuala Lumpur dan Ipoh.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Pada masa ini Lapangan Terbang Ipoh tidak mempunyai alat-alat seperti V.O.R./D.M.E. (Visual Omni Range/Distant Measuring Equipment) dan I.L.S. (Instrument Landing System) untuk membolehkan Juruterbang mendarat di Lapangan Terbang Ipoh pada malam hari atau pun dalam keadaan cuaca yang kurang baik. Lapangan Terbang Ipoh terletak di dalam kawasan gunung-ganang dan oleh kerana ini seringkali terdapat hujan (Orographic Rain atau Relief Rain) dan kabus di kawasan Lapangan Terbang tersebut. Oleh kerana tidak adanya kelengkapan alat-alat tersebut di Lapangan Terbang Ipoh maka penerbangan ke Ipoh hanya dihadkan pada siang hari dan dalam keadaan cuaca yang baik sahaja.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Pencen dalam Jawatankuasa (14hb Januari, 1980).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

3.37 ptg.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Pengerusi, saya bercakap pada petang ini ialah perkara yang saya ragukan kerana berhubung dengan Fasal 132 Perlembagaan.

Yang Berhormat Menteri menjawab menyatakan bahawa perkara itu termasuk dalam Armed Forces Council. Bukan tujuan saya masuk dalam Armed Forces Council, tetapi mengapa dipotong—ditinggalkan, sedangkan dalam Perlembagaan diwujudkan. Saya bersetuju sekarang inipun gaji-gaji military atau tentera kita ini memang di bawah kuasa Armed Forces Council. Yang maksud ucapan saya, mengapa dalam Bil ini ditinggalkan sedangkan pindaan Perlembagaan tidak ada atau belum lagi.

Tuan Pengerusi, untuk menguatkan hujah saya, dengan izin, saya membaca lagi Artikul 132 (3).

“132 (3) Perkhidmatan awam tidak dikira sebagai mengandungi—

(a) jawatan mana-mana anggota pentadbiran dalam Persekutuan atau dalam sesuatu Negeri.”

Umpamanya dahulu sahabat kita, Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid dilantik menjadi Pemangku Pentadbir Kerajaan Pulau Pinang. Yang demikian beliau (Y.B. Dato' Syed Hassan Aidid) bukan di bawah perkhidmatan awam. Ini maksud (a).

“(b) jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat atau ahli mana-mana Majlis Parlimen atau ahli sesuatu Dewan Negeri; atau

(c) jawatan hakim Mahkamah Persekutuan atau hakim Mahkamah tinggi; atau

(d) jawatan ahli mana-mana Suruhanjaya atau Majlis yang ditubuhkan oleh Perlembagaan ini atau mana-mana Suruhanjaya atau Majlis yang bersamaan yang ditubuhkan oleh Perlembagaan sesuatu Negeri; atau

(c) apa-apa jawatan diplomat sebagaimana yang ditetapkan dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong iaitu jawatan yang, jika tidak kerana perintah itu, akan menjadi jawatan dalam perkhidmatan awam am Persekutuan.”

Ini sahaja yang dikira tidak masuk dalam perkhidmatan awam. Yang lain mengikut istilah Perlembagaan Fasal 132 (3) ini adalah terkandung di dalamnya termasuk Angkatan Tentera.

Jadi pada hari ini dalam kita memperkatakan Bil Pencen ini kalau dikira kuasa Suruhanjaya, saya setuju sebab dalam Artikel inipun ada menetapkan Perkhidmatan Awam hanya ditakrifkan perkhidmatan Awam (c) dengan (f) sahaja sebab pasukan polis ada Suruhanjayanya sendiri dan perkhidmatan Keretapi ada Suruhanjayanya dan yang akhirnya guru-guru pun ada Suruhanjaya, itu tak mengapalah sebab itu terkandung dalam (g)—perkhidmatan awam tiap-tiap satu Negeri.

Yang menjadi masalahnya, Tuan Pengerusi, mengapa ditiadakan Angkatan Tentera sedangkan di Perlembagaan menghendaki ada? Itu dia konsepnya bukan konsep tentera di bawah Armed Forces Council yang membuat tanggagaji pencen dan sebagainya. Itu saya akui, tetapi mengapa dalam Perlembagaan ada, dan saya hendak tanya sudahkah dipinda? Kalau sekiranya saya kurang faham atau saya masih tidak ingat, barangkali Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan bahawa perkara ini sudah dipinda dan kalau tidak dipinda apakah kedudukannya bil ini? Ini kesannya, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, sebagaimana kata saya tadi juga makna Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat adalah dipilih mengikut Perlembagaan dan berkhidmat sehingga umur 60 tahun. Saya mohon pertimbangan supaya peraturan dibuat selepas ini supaya Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat itu diberi satu kelebihan, satu keistimewaan sebab ia wujud bersara pada umur 60 tahun adalah dengan kehendak Perlembagaan, mencapai Superscale A, kerana perkhidmatan mereka tak boleh pindah ke Jabatan-jabatan lain. Itu permohonan yang saya minta selepas Undang-undang ini disahkan, peraturan hendaklah di buat iaitu satu keistimewaan mesti diberi kepada Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat, kerana itu satu jawatan yang wujud

mengikut kehendak Perlembagaan. Dan kalaupun, Kerajaan hendak memecat mereka mestilah tunduk mengikut kehendak Perlembagaan juga sebagaimana memecat seorang Hakim. Jadi tentulah wajar agaknya kedudukan mereka itu dipertimbangkan dengan baik.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, sungguhpun saya merayu, saya tidak memperkatakan tentera itu sekarang ini mesti mengikut keadaan yang ada, hanya saya katakan mengikut kehendak Perlembagaan dan yang saya rayukan di sini ialah pencen penuh setelah mereka berkhidmat 21 tahun iaitu kepada pegawai rendah, hanya saya minta Kerajaan kita menimbangkan supaya diberi pencen juga kepada tentera yang berkhidmat 15 tahun atau 18 tahun mengikut kadar yang patut. Jadi apabila berkhidmat sampai 15 tahun, adalah juga sedikit pencen untuk menampung sara hidupnya dengan pencen \$50 sebulan umpamanya atau setelah berkhidmat 18 tahun pencennya lebih kurang \$70-80 sebulan. Kadang-kadang mereka berkhidmat 18 tahun oleh sebab-sebab tertentu tak dapat melanjutkan perkhidmatan sehingga 21 tahun. Sedangkan perkhidmatan polis, setelah berkhidmat 10 tahun mereka dimasukkan ke jawatan pencen bila sampai umur 45 tahun, mereka boleh meminta pencen secara optional. Itulah perkara yang saya bangkitkan, saya mohon penjelasan setengahnya mohon timbangan dalam masalah ini.

3.45 ptg.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Pengerusi, ingin saya menjelaskan bahawa Rang Undang-undang Pencen ini hanyalah untuk perkhidmatan awam sivil, tidak untuk perkhidmatan tentera kerana mereka sudah mempunyai satu skim mengenai dengan pencen, maka itu tentera tidak dimasukkan di dalam perkhidmatan awam di bawah Ordinan ini.

Ingin saya memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat lagi sebagai tambahan di masa saya memberi jawapan saya ada mengatakan iaitu perkara ini dari segi undang-undang telahpun dikaji oleh pakar undang-undang di Jabatan Peguam Negara iaitu sebuah Jabatan yang boleh dikatakan sebagai authority dalam perkara ini. Maka

saya rasa tidak perlu dibimbangkan mengenai sama ada Undang-undang ini sah atau tidak. Saya telah diberitahu bahawa perkara ini memang sudah disedari dan dikaji soalan-soalannya adalah sah, walaupun perkhidmatan tentera itu tidak dimasukkan di bawah Rang Undang-undang ini.

Mengenai dengan perkara kedua, saya rasa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu selepas undang-undang ini diluluskan, ini satu perkara yang lain, tetapi walau bagaimanapun, ia akan dikaji. Begitu juga perkara yang ketiga akan dikaji oleh pihak Kerajaan.

3.46 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Pengerusi, saya berasa berat menerima hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang mana beliau mengatakan oleh kerana perkara ini telah ditimbang dan dikajikan oleh pakar di Jabatan Peguam Negara, maka tidak semestinya kita yang bodoh-bodoh di sini tidak berhak memberikan pandangan. Saya rasa itu bertentangan sekali. Pakar memanglah semestinya pakar, tetapi kita yang membuat undang-undang di sini kalau kita rasa perkara ini tertinggal terpulung kepada kita mengemukakan.

Saya rasa sahabat saya Tan Sri Datuk Abdul Razak telah mengutarakan satu point yang memang patut diteliti dengan halus Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang yang utama negara kita. Di dalam Perlembagaan ini telah mengatakan apakah jenisnya yang termasuk di dalam takrif Perkhidmatan Awam. Yang mula-mula sekali di dalam Perlembagaan ini mengatakan ialah Angkatan Tentera. Kalau kita hendak pandangan mereka di dalam Angkatan Bersenjata, ataupun polis ada juga di bawah peruntukan ini. Di sini takrif di bawah 132 (1) mengatakan bagi maksud-maksud Perlembagaan ini—betul-betul ini kita maksudkan Perlembagaan ini sahaja—perkhidmatan awam ialah—

- (a) angkatan tentera;
- (b) perkhidmatan kehakiman dan undang-undang;
- (c) perkhidmatan awam dan Persekutuan;

- (d) pasukan polis;
- (e) perkhidmatan keretapi;
- (f) perkhidmatan awam bersama yang tersebut dalam Perkara 133;
- (g) perkhidmatan awam tiap-tiap satu Negeri.

Ini dibuat pada tahun 1957 dan diakui selepas itu sewaktu kita mewujudkan Malaysia. Jadi di sini undang-undang yang sepatutnya di bawah Perlembagaan ini. Undang-undang Pencen ini patut memerhatikan apakah undang-undang utamanya. Saya sedar memang boleh kita buat peruntukan dalam undang-undang mengatakan ini dipakai hanya setakat ini sahaja, tak kira undang-undang lain, tetapi kalau sudah ada takrif yang dibuat di dalam undang-undang seperti Perlembagaan, undang-undang utama sekali, patutlah perkara ini dikajikan.

Oleh kerana saya tak ada di sini semalam mendengar apa jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pencen yang telah diberi kuasa kepada Armed Forces Council, barangkali saya tak dapat hendak memberikan pandangan saya tentang ini. Saya lebih senang, Tuan Pengerusi, supaya undang-undang itu jelas. Kalau kita membuat pencen kepada mereka yang di dalam perkhidmatan awam, ini dia undang-undang yang mana mereka terpaksa merujuk, kalau polis pun mereka mempunyai Police Act, mempunyai undang-undangnya sendiri, tetapi bila kena pencen mereka terpaksa merujuk kepada undang-undang ini, mereka tidak merujuk kepada Police Act. Kerana kita telah mengatakan di sini polis bila berkenaan dengan pencen mereka, mereka terpaksa merujuk kepada Undang-undang ini, tetapi bila kena tentera entah mana pula kita hendak merujuk. Kononnya, kita yang membuat undang-undang ini tetapi kalau kita pun tak tahu ke mana kita hendak rujuk—itu yang menjadi masalah. Jadi itulah sebabnya rasa saya pandangan daripada Ahli-ahli Dewan ini yang mana kita kemaskan undang-undang itu adalah pandangan yang ikhlas, bukannya menjadi alasan rasa saya iaitu kerana pakar-pakar telah menimbang, kita tak berhak memberi pandangan. Apa pakar kata itu betul sahaja. Saya sudah menerima pandangan yang demikian, Tuan Pengerusi.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Pengerusi, bukan saya bermakna Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh memberi pandangan, itu memang menjadi hak Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat undang-undang, hanya saya memberi penerangan iaitu perkara ini sudah pun ditimbangkan. Jadi, saya memberi jaminan iaitu perkara ini sudah ditimbangkan oleh ahli atau pakar undang-undang dan saya rasa mengikut pendapat mereka ini tidak ada bertentangan. Ini yang saya mahu terangkan, bukan mengatakan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh membincangkan, hanya saya memberi jaminan bahawa perkara ini sudah dikaji.

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 15 hingga 28—

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Pengerusi, saya bukanlah juara di dalam hal ini, sebab saya faham saya cuma anak budu, yang hidup di air lumpur dan bukan jenis ikan yang dipanggil “Juara”. Akan tetapi, saya suka hendak minta Kerajaan timbangan dalam Fasal 16 di dalam Bil ini disebut maknanya:

“16. Pecen terbitan atau lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta ini hendaklah terhenti—

(a) Jika penerima pecen itu ialah seorang balu, apabila ia berkahwin semula;”

Maksud balu itu mengikut istilah Bahasa Kebangsaan ialah janda perempuan, maka terhentilah saraan apabila beliau berkahwin. Yang saya hendak bangkitkan sekarang ini jikalau duda, dia berkahwin dengan seorang pegawai wanita, pegawai wanita itu mempunyai pecen sedang suami tidak punya kerja atau cacat anggota dan lain-lain, mengapa dia berkahwin dengan orang yang tidak mempunyai pekerjaan, itu tidak dapatlah dijawab. Hanya saya kemukakan dia berkahwin dengan orang yang tidak berpekerjaan oleh sebab cinta pandang pertama atau lain-lain kira atau barangkali sebab-sebab yang tertentu—maklum sahajalah janji pertemuan. Orang ini bergantung hidupnya kepada isteri yang bekerja yang akhirnya dapat pecen. Hukum Tuhan isterinya yang menjadi tempat dia bergantung harapan meninggal dunia maka patutlah dia juga di-

beri pecen sebagai balu tadi dan dia mempunyai hak juga sekurang-kurangnya setakat yang dia belum kahwin. Walaupun mengikut undang-undang Islam, ertinya si suamilah patut memberi nafkah kepada isteri, hukum Islam itu memang ada, tetapi kadang-kadang keadaan berlawanan kerana mengikut lumrah alam, boleh jadi perkara ini jarang-jarang berlaku tetapi biarlah bersiap dengan mewujudkan menjadi undang-undang. Jadi boleh juga kita bangkitkan dan dirujukkan oleh pihak yang berkenaan dan inilah saya merayu kepada Kerajaan supaya mempertimbangkan semula bahawa duda juga patut diberi selagi dia belum berkahwin. Walaupun pada anaknya yang cacat itu diberi bantuan akan tetapi kadangkala kanak-kanak cacat inipun dengan ayahnya sudah tua yang tidak berupaya maka sepatutnyalah faedah daripada perkhidmatan isterinya itu diberi juga kepada si duda (janda lelaki). Ini satu daripadanya yang saya mohon Kerajaan menimbangkan perkara ini oleh pakar-pakar undang-undang kita dari segi peri kemanusiaan.

Tuan Haji Mahmud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Pengerusi, saya juga menimbulkan Fasal 19 sebagaimana yang saya timbulkan dahulu. Dalam Fasal ini dicatitkan di dalam Undang-undang ini:

“19. Apa-apa pecen, ganjaran atau lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta ini tidak boleh diserahkan atau dipindahmilik, atau ditahan, dasingkan atau dilevi mengenai sesuatu tuntutan kecuali bagi maksud—

(a) dan (b) ini boleh:

(a) menjelaskan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan, atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu Pihakberkuasa Berkanun atau Tempatan; atau

(b) menunaikan perintah daripada Mahkamah supaya dibayar secara berkala sejumlah wang untuk nafkah bagi isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa, sama ada sahtaraf atau tidak, pegawai yang telah diberi pecen, ganjaran atau lain-lain faedah itu”.

Di sini saya tidaklah hendak bahas daripada segi bahasa kerana saya telah mengemukakan tempoh hari. Walaupun kepada saya bahasa yang digunakan itu canggung, tetapi terpulanglah kepada pihak Kementerian

sendiri sama ada hendak betulkan atau tidak kerana perkataannya itu "sesuatu Kerajaan" memang di dalam Bahasa Malaysia ganjil, melainkan kalau Kerajaan itu "sesebuah Kerajaan". Begitu juga negeri "sesebuah negeri" tidak dikatakan "sesuatu negeri". Sesuatu ini boleh digunakan seperti "keputusan", "sesuatu keputusan" jadi bolehlah kalau kita terjemahkan dalam bahasa Inggeris memang menggunakan 'a' belaka, misalnya, a court, a decision, a judge. Tetapi pada kita katakanlah "a decision of a court by a judge", kita tidak akan terjemahkan "sesuatu keputusan dari sesuatu mahkamah oleh sesuatu hakim" itu ganjil, Tuan Pengerusi. Kita tentu terjemahkan sesuatu keputusan sesebuah mahkamah dari seorang hakim. Baru betul. Tetapi saya tidak hendaklah menyentuh, ini masalah bahasa sebagaimana yang saya terangkan dahulu, itu terpulung kepada dialah. Tetapi masalahnya di sini ialah masalah orang tanggungan.

"19 (b) menunaikan perintah daripada Mahkamah supaya dibayar secara berkala sejumlah wang untuk nafkah . . ."

Nafkah siapa? Nafkah bagi isteri, bekas isteri dan anak yang belum dewasa sama ada yang sahtaraf atau tidak, ini tiga orang sahaja yang boleh, Tuan Pengerusi, maka pencen seseorang pesara itu boleh dipindahak ataupun boleh di bayar kepada mereka selain daripada bayaran kepada Kerajaan. Jadi, saya merayu kepada pihak penggubal undang-undang ini supaya dipotong yang lain itu, (b) ini disebut begini sahaja:

"menunaikan perintah daripada Mahkamah supaya dibayar secara berkala sejumlah wang untuk nafkah".

Jadi selepas daripada nafkah, tidak usah disebut lagi—bagi isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa, sama ada sahtaraf atau tidak, itu dipotong semua sekali, sejumlah wang untuk nafkah orang-orang tanggungan pegawai yang telah diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah itu menurut ugama orang itu.

Jadi, kalau ada di sini, barulah ada asasnya, adapun undang-undang yang dibuat ini setahu saya, tidak berasas dari segi hukum syarak sama sekali. Kebanyakan orang-orang yang berpencen di negeri ini ialah orang yang beragama Islam, jadi kalau sekiranya orang-orang yang beragama Islam itu dia ada mempunyai orang tanggungan selain daripada yang disebutkan di dalam ini sahaja

dia tidak boleh menerima walaupun dikemukakan perkara itu kepada mahkamah. Padahal dia orang yang berhak lebih-lebih lagi bekas isteri, bekas isteri umum sangat.

Di dalam hukum syarak atau hukum ugama Islam kita isteri itu selepas edah dia tidak wajib lagi dibayar tanggungannya. Tetapi di sini bekas isteri ini nampaknya kalau mengikut undang-undang Inggeris bagi orang yang beragama Christian selagi dia tidak berkahwin dia kena bayar, tidakkah menjadi anianya kepada pesara tadi. Dia tidak berhak membayar nafkah itu tiba-tiba dia dipaksa atau mesti membayarkan nafkah yang tidak wajib dan tidak lazim bagi dia membayar.

Jadi dengan sebab itu moleklah ayat itu digantikan dengan perkataan "orang tanggungan menurut ugama" itu lebih baik kerana di dalam Malaysia ini ramai golongan orang-orang yang bersara itu sama ada daripada golongan Islam, golongan Kristian, golongan Hindu dan sebagainya. Jadi dikatakan "bagi nafkah orang tanggungannya menurut ugama masing-masing". Kalau ugama dia kena—kenal; kalau tidak kena—tidak kenal.

Adapun yang dibuat oleh Timbalan Menteri semasa dia mengemukakan Undang-undang ini dahulu, katanya pencen itu bukannya 'pesaka'. Itu benar sangatlah pencen itu bukan pesaka tetapi apakala hendak ditentukan oleh sesebuah mahkamah ke atas seorang yang bersara supaya dia membayar nafkah tadi, maka perkataan "nafkah" ini ada hubungan dengan ugama—nafkah yang wajib dia membayar. Kalau tidak begitu, tidak usah masukkan perkataan "nafkah" itu. Makna pencen itu ialah haknya, walau macam mana pun tidak boleh dipaksakan langsung dia menyerahkan pencennya kepada sesiapa selain daripada yang diperuntukkan dalam Fasal 19 (a) iaitu kerana membayar hutang Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan negeri sahaja. Kalau dikatakan nafkah tadi kebanyakan daripada orang Islam tidak berkaitan di situ. Jadi saya merayu supaya Seksyen 19 ini dipinda, tidak dikekalkan keadaan itu iaitu pinda tentang kandungannya.

Begitu juga Seksyen 26 bagi orang yang telah mati. Seksyen 26 berbunyi:

"26. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika seseorang pesara yang

kepadanya apa-apa pembayaran boleh dibuat di bawah peraturan-peraturan itu mati sebelum pembayaran itu dibuat dan amaun itu masih belum dibayar, maka amaun yang belum dibayar itu bolehlah dibayar kepada orang-orang tanggungannya di bawah peraturan-peraturan itu tanpa probet atau surat mentadbir pesaka.”

Jadi boleh dibayar, kalau seorang pesara mati maka pencennya itu boleh dibayar kepada orang tanggungannya. Orang tanggungannya itu ditetapkan di sini di bawah peraturan-peraturan. Jadi peraturan tidak ada di sini, saya tidak dapat hendak membaca peraturan itu. Walaupun peraturan akan dibuat tetapi boleh jadi peraturan itu tidak lari daripada apa yang dibuat dalam Seksyen 19 juga. Orang tanggungan itu mesti disebutkan iaitu anaknya, isterinya termasuklah anak-anak yang tidak sahtaraf—barangkali bagitulah peraturannya. Kalau ada disebut dalam peraturan ini, kita boleh baca tetapi peraturan itu tidak ada lagi.

Dengan sebab itulah saya merayu supaya dipinda kepada “orang tanggungannya menurut ugama si mati itu”—senang sahaja. Jadi kalau si mati itu orang Kristian, apa kata ugama Kristiannya, kalau si mati seorang Islam, apa kata ugama Islam. Dia sudah mati pencennya mesti diberi kepada orang tanggungannya menurut ugamanya. Inilah sahaja dua perkara yang saya merayu, Tuan Pengerusi.

4.04 *ptg.*

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, perkara ini adalah dalam Jawatankuasa dan ada pindaan. Jikalau sekiranya seperti Yang Berhormat mengatakan tadi ini adalah pindaan maka di sini kita minta penjelasan adakah ini pindaan ataupun cuma ini sahaja sebab ini dalam Jawatankuasa?

Tuan Pengerusi: Tidak boleh dipinda.

4.05 *ptg.*

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh dalam perkara yang sama iaitu Fasal 19. Saya tidak tahulah siapa yang pakar dalam undang-undang ini, sama ada mereka di Jabatan Peguam Negara atau

sahabat saya Senator Tuan Haji Mahmoud Salim. Tadi kita mendengar hujah daripada Yang Berhormat Menteri ini pakar undang-undang Islam tetapi perkara ini satu contoh yang jelas yang mana pakar telah pejam mata sebelah. Sebagai seorang yang rasa saya tidak bertauliah dalam undang-undang seperti sahabat saya Tuan Haji Mahmoud Salim, apa yang dikemukakan oleh beliau memang tepat. Ini adalah oleh kerana kesilapan yang dibuat oleh para penterjemah. Mungkin Rang Undang-undang ini telah digubal dalam bahasa Inggeris iaitu bahasa asalnya, selepas itu diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Selepas itu diakui yang Bahasa Malaysia adalah bahasa yang sah. Ini cara yang berjalan, maknanya pakar-pakar itu tidak memikirkan dengan Bahasa Malaysia selepas itu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Sebenarnya terbalik. Inilah sebabnya perkataan yang patut kita gunakan “sesuatu mahkamah” samada sengaja atau tidak sengaja, saya tidak tahulah, ditinggalkan perkataan “sesuatu” dalam menggunakan perkataan “a Court” tadi.

Ini kalau kita bandingkan umpamanya Fasal 19 dengan Fasal 20 (2) ada contohnya. Kalau Fasal 20 (2) ada disebutkan “sesuatu Mahkamah” atau dalam bahasa Inggerisnya memang ada menyatakan “a Court”, tetapi dalam Fasal 19 ini tertinggal. Itu mungkin ada yang menyatakan Fasal ini kecil sangat, tidak bubuh “sesuatu” itu tidak menjadi apa tetapi yang pentingnya ini perbuatan pakar, orang bijak, orang yang biasanya tidak lupa perkataan-perkataan yang begini tetapi tertinggal juga. Inilah kita yang bodoh-bodoh ini tunjukkan supaya perkara ini diperbaiki.

Saya sedar untuk hendak meminda di sini agak sukar kerana kalau kita meminda di sini hendak beri notis dan malulah Ahli-ahli di Dewan sebelah sana kerana mereka tidak nampak pindaan yang sedemikian patut dibuat di peringkat Jawatankuasa. Jadi seperti biasa, ini bukan kali pertama; seperti biasa kita luluskan tetapi kita minta jaminan dari Yang Berhormat Menteri supaya pindaan akan dibawa balik ke Dewan Rakyat dan kepada Dewan ini. Itu yang lazimnya kita buat. Ini bukan kali pertama, banyak sangat perkara-perkara yang silap yang kita sedar dan kita tunjukkan di Dewan yang mulia ini yang mana Kerajaan selepas sedar bahawa perkara itu memang silap, maka Kerajaan

bawa satu pindaan di Dewan Rakyat, di-pinda di sana dan dibawa balik ke sini. Ini yang saya minta satu jaminan dari Yang Berhormat Menteri supaya perkara-perkara yang telah silap, yang telah dibuat oleh pakar-pakar tadi yang kita telah menyatakan ini tidak betul supaya bila Kerajaan sedar yang perkara itu tidak betul, satu jaminan dari Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini dibawa semula dari segi pindaan tadi supaya diluluskan oleh Dewan Rakyat dan kemudiannya oleh Dewan yang mulia ini.

4.08 ptg.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Pengerusi, mengenai dengan hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak mengenai pencen terbitan kepada duda dalam tanggungan dan hilangupaya secara kekal dan tidak upaya, mencari nafkah sendiri pada tarikh perempuan berkenaan meninggal dunia, saya rasa ini boleh diambil dalam perkara tanggungan.

Mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim iaitu mengenai dengan Fasal 19 mengenai dengan hutang; saya rasa ada kakitangan Kerajaan berhutang kerana pinjaman perumahan dan saya rasa itu terpaksa dijelaskan dahulu dan beralih kepada mahkamah, begitu juga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, perkara ini kita ambil perhatian dan akan dikaji oleh Kerajaan, sekiranya perlu maka akan dibawa balik ke Dewan ini untuk dipinda. Saya rasa itulah sahaja penjelasan saya.

Fasal 15 hingga 28 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SABAH DAN SARAWAK) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.01 ptg.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak) (Pindaan) 1979 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang bertajuk Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak) (Pindaan) 1979 yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 17A (3), Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah (Cap. 156) dan Seksyen 19B (3), Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak (Cap. 90). Tujuan pindaan-pindaan itu ialah untuk memberi kuasa kepada Lembaga Pengurusan Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah dan Lembaga Pengurusan Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak membayar bonos kepada pencarum-pencarum yang menarik diri dari kumpulanwang masing-masing dari wang lebihan Kumpulanwang yang berkenaan, jika ada wang lebihan seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan pengenalan Pencen Terbitan dalam Sekim Pencen Kakitangan Kerajaan dalam tahun 1970 Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menggulung semua Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim yang ada di negara ini. Untuk tujuan ini undang-undang bertajuk Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) 1974 dan Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan) 1974 telah diluluskan oleh Parlimen yang mana telah memperuntukkan bahawa tiap-tiap pencarum hendaklah membuat opsyen memilih sama ada hendak terus atau berhenti dari menjadi pencarum kepada kumpulanwang pencen yang berkenaan itu, dan seterusnya kepada tiap-tiap mereka yang membuat opsyen berhenti dari menjadi pencarum hendaklah dibayar balik semua jumlah wang caruman yang telah dibuatnya bersama bunga berganda pada kadar 2½% setahun.

Berikutan dari opsyen yang telah ditawarkan bilangan pencarum yang telah menarik diri adalah seperti berikut:

- (a) Bagi Kumpulanwang Pecen Balu dan Anak Yatim Sabah; dari jumlah ahli seramai 4,631 orang, seramai 4,389 orang telah menarik diri termasuk 63 orang pencarum pegawai dagang;
- (b) Bagi Kumpulanwang Pecen Balu dan Anak Yatim Sarawak, dari jumlah ahli seramai 8,416 orang seramai 8,031 orang telah menarik diri termasuk 77 orang pegawai dagang.

Kepada semua mereka yang menarik diri itu telah dibayar balik semua caruman yang telah dibuat masing-masing bersama bunga berganda pada kadar $2\frac{1}{2}\%$ setahun seperti mana yang diperuntukkan dalam undang-undang yang saya nyatakan itu. Sementara itu Kerajaan telah juga bersetuju untuk membayar bonus kepada pencarum-pencarum yang menarik diri jika ada wang lebihan Kumpulanwang-kumpulanwang Pecen itu setelah ditolak perbelanjaan membayar balik caruman dan bunga yang dinyatakan itu dan setelah mengambil kira kos pentadbiran Kumpulanwang itu serta perbelanjaan bagi memenuhi tanggungan-tanggungan pecen yang sedang dan akan dibayar. Bagaimanapun pembayaran bonus ini telah tidak dapat dibuat lebih awal kerana pada masa itu belum dapat dipastikan lagi samada Kumpulanwang-kumpulanwang Pecen itu mempunyai wang lebihan.

Keadaan kewangan Kumpulanwang Pecen Balu dan Anak Yatim Sarawak pada masa ini telah selesai diperiksa oleh Akuari Kerajaan dan didapati ada wang lebihan untuk pembayaran bonus kepada pencarum-pencarum yang telah menarik diri itu. Untuk membolehkan Lembaga Pengurusan Kumpulanwang itu membuat pembayaran bonus tersebut maka Ordinan Pecen Balu dan Anak Yatim Sarawak perlulah dipinda sewajarnya. Mengenai Kumpulanwang Pecen Balu dan Anak Yatim Sabah pula, kedudukan kewangannya, iaitu samada ianya mempunyai wang lebihan belumlah lagi dapat dipastikan pada ketika ini. Namun demikian pindaan kepada Ordinan Pecen Balu dan Anak Yatim Sabah (Cap. 156) bagi membolehkan pembayaran bonus seperti itu perlu juga dibuat sekarang sebagai persediaan iaitu apabila kewangan Kumpulanwang Pecen Balu dan Anak Yatim Sabah selesai

diperiksa dan jika didapati ada wang lebihan maka pembayaran bonus dapatlah dibuat dengan lebih segera tanpa perlu menanti selesainya proses pindaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menca-dangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminta Ordinan Pecen Balu dan Anak Yatim Sabah dan Ordinan Pecen Balu dan Anak Yatim Sarawak dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.17 ptg.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pecen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak) seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Rang Undang-undang ini dibentang maka satu Rang Undang-undang mengenai pentadbiran pecen, ganjaran dan lain-lain faedah bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam dan juga tanggungan mereka baru sahaja diluluskan selepas beberapa hari dibahaskan oleh Dewan yang mulia ini. Maka segala pandangan dan teguran serta hujah-hujah yang membina telah diterangkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Rang Undang-undang itu.

Kedua Rang Undang-undang ini saya rasa adalah atas perkara lebih kurang sama. Oleh keadaan yang demikian suka saya bercakap di atas perkara yang sama mengenai sungutan-sungutan dari sebahagian bekas pegawai rendah Kerajaan yang berpangkat rendah di negeri Sarawak. Walaupun sungutan-sungutan yang serupa telah diterangkan dalam Dewan yang mulia ini, walaupun demikian izinkan saya untuk menerangkannya sekali lagi bagi bekas pegawai-pegawai yang bersara di negeri Sarawak untuk perhatian Lembaga Kumpulanwang Pecen Balu dan Anak Yatim yang berkenaan walaupun Rang Undang-undang ini disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 15hb Ogos 1974.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kelambatan mendapat pencen adalah yang sering menjadi buah mulut bekas pegawai-pegawai perkhidmatan Kerajaan di negeri Sarawak. Mereka pernah berkata baru-baru ini sehingga menunggu selama dua tahun selepas bersara belum lagi menerima pencen mereka. Oleh itu saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan semalam masa mengulung perbahasan Rang Undang-undang Pencen 1979 mengenai kelambatan. Perkara seperti ini tidaklah boleh disalahkan kepada satu pihak yang memproses pencen itu sahaja. Mungkin juga bekas pegawai yang menerima pencen itu tidak dapat menepati perkara-perkara yang ada kaitan dengan pencen mereka. Saya berpendapat jika pencen-pencen mereka yang berkenaan itu tidak dapat dibayar dalam jangka masa yang tertentu maka satu pinjaman atau faedah-faedah yang lain bagi bekas pegawai itu terutama yang berpangkat rendah hendaklah diusahakan bagi menolong mereka seperti memberi pinjaman wang yang ditentukan oleh peraturan pencen dan sebagainya.

Dewan yang mulia ini sedia maklum boleh dikatakan sebahagian daripada pegawai rendah yang telah bersara itu berharap kepada wang pencen ataupun ganjaran untuk menampung segala kesulitan hidup mereka. Dan ada pula yang menunggu faedah dari pencen mereka bercita-cita untuk membuat rumah kediaman sendiri yang mana belum mempunyai rumah dan ada juga yang berkehendak untuk membeli tanah kebun dan lain-lain lagi. Kita berharaplah dengan adanya Lembaga yang bertanggungjawab ini dapat memberi pertimbangan bagi mengatasi segala masalah tentang lambatnya pembayaran pencen kepada bekas pegawai-pegawai Kerajaan atau balu-balu mahupun anak-anak yatim yang berhak mendapat pencen itu.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mendengar kenyataan dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai had umur anak-anak yatim yang berhak mendapat pencen sehingga berumur 21 tahun belum berkahwin di seluruh negara ini. Kami mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan atas pertimbangan yang wajar seperti ini. Di sini sukalah saya mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan sedikit pandangan daripada pegawai-pegawai luar (field officers) Kerajaan

yang tertentu seperti di Jabatan Hutan, Jabatan Pertanian dan Jabatan Tanah dan Ukur negeri Sarawak. Mereka ini berpendapat lebih elok had umur 50 tahun bagi pegawai luar di Jabatan yang saya terangkan itu diberi pencen penuh jika sekiranya mereka telah berkhidmat selama 25 tahun dalam Jabatan yang berkenaan kerana mengikut apa yang difahamkan had umur 55 tahun bagi pegawai yang sentiasa bertugas di luar pejabat adalah sukar sedikit bagi keupayaan ataupun tenaga mereka untuk bertugas seperti berjalan menaiki bukit dan melalui hutan-hutan tebal. Bagi pegawai-pegawai yang sentiasa bertugas di pejabat memang had umur ialah 55 tahun bagi pegawai lelaki adalah tidak menjadi masalah sebagai umur bersara. Jika perlu pegawai-pegawai yang tertentu bertugas di Pejabat boleh dilanjutkan lagi selepas berumur bersara 55 tahun dengan cara kontrak mengikut keadaan dan kesihatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pegawai-pegawai perempuan pula yang bertugas di pejabat-pejabat ataupun hospital dan sebagainya boleh dinaikkan lagi daripada umur bersara 45 tahun kepada 50 tahun. Jika mengikut pandangan saya, pegawai-pegawai perempuan yang bekerja ringan seperti di pejabat dan di hospital umur 45 tahun itu masih muda lagi. Beralih saya kepada balu-balu yang berhak mendapat pencen yang mana banyak pandangan-pandangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Pencen 1979.

Berbalik saya kepada balu-balu yang berhak mendapat pencen apabila dia berkahwin semula ianya tidak berhak lagi. Saya berpendapat dan mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan jika ada terdapat balu-balu yang mendapat pencen berumur tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak mempunyai anak dan ingin berkahwin semula, saya rasa harus diberi pertimbangan supaya balu-balu seperti itu diberi separuh ataupun setengah daripada pencen yang didapati daripada bekas meniang suaminya. Kerana ini saya berpendapat sebagai satu penghormatan kepada balu yang berkenaan sanggup di masa mudanya berkahwin dengan seorang pegawai Kerajaan waktu itu yang jauh lebih tua daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, teringat saya kepada nasib pegawai-pegawai masjid, di daerah luar bandar negeri Sarawak seperti Imam, Khatib dan Bilal yang mendapat elaun bulanan sejak

di masa Sarawak dijajah dahulu sampailah ke hari ini mereka hanya mendapat elaun \$15.00 bagi Imam; \$12.00 bagi Khatib; dan \$10 lagi Bilal. Tetapi pegawai-pegawai Kerajaan yang lain telah mendapat perubahan tangga gaji sudah beberapa kali. Mengikut apa yang saya tahu pegawai-pegawai masjid seperti yang saya sebutkan itu bukan hanya mereka bertugas pada hari Jumaat sahaja bahkan bertugas mereka itu sentiasa dikehendaki oleh rakyat di sekitar kawasan itu bila-bila masa sahaja. Jikalau dibandingkan dengan tugas seorang Ketua Masyarakat ataupun Penghulu di luar bandar saya rasa tidak kurang pentingnya tugas pegawai masjid kepada kebajikan dan perpaduan rakyat. Walaupun demikian saya harap elaun yang diterima oleh Ketua Masyarakat ataupun Penghulu jauh lebih tinggi daripada pegawai-pegawai masjid tambahan pula pegawai-pegawai masjid dapat berkhidmat dengan jujur dan ikhlas selama 20-30 tahun pun tidak mendapat pencen ataupun ganjaran daripada Kerajaan.

Saya berharap pekaru seperti ini mendapat perhatian pihak yang berkenaan oleh kerana pegawai-pegawai masjid seperti terdapat di kawasan saya sukar untuk membuat kerja-kerja yang lain lagi. Mereka ini juga adalah manusia biasa berhak berkehendak makan dan minuman serta sebagainya jika dinilai wang sebanyak yang saya terangkan itu di masa sekarang untuk belanja kopi pun tidak mencukupi. Saya yakin perkara seperti ini mendapat perhatian berat oleh pihak yang berkenaan. Sedangkan di waktu kita dijajah dulu pihak penjajah juga memberi perhatian kepada pegawai-pegawai masjid. Apatah lagi sekarang kita sudah merdeka serta ugama Islam sebagai ugama rasmi negara, saya tidak nampak perkara kecil ini tidak dapat dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan Rang Undang-undang ini saya yakin semua pegawai perkhidmatan awam terutama di negeri Sarawak telah mendapat satu jaminan yang agak lebih baik lagi bagi faedah dari mereka sendiri serta balu dan anak yatim selepas berkhidmat dengan baik dan jujur kepada bangsa dan negara yang sama-sama kita cintai. Kita berharap juga dengan adanya Lembaga yang bertanggungjawab seperti maksud Rang Undang-undang ini maka segala kesulitan bekas pegawai-pegawai Kera-

jaan yang telah bersara dapat diatasi tidak menimbulkan banyak masalah seperti yang pernah dialami selama ini.

Akhirnya sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang yang di hadapan Dewan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad.

4.29 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan di dalam Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak) (Pindaan). Saya cuma hendak membuat satu pandangan yang ringkas sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama dapatkah dibuat ataupun diliputi Rang Undang-undang ini iaitu apabila disebut balu dan duda.

Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, seorang pegawai Kerajaan di Sarawak atau di Sabah meninggal dunia, tinggallah suaminya sama ada bekerja atau tidak bekerja. Yang saya hendak tujukan, adakah berhak dudanya itu menerima persaraan selain daripada anak-anak yatim itu.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat telah mengatakan sebab-sebab pencarum menarik diri daripada dua buah negeri itu sebagaimana angka yang telah disebutkan, saya ingin mendapatkan penjelasan sebab musabab pencarum-pencarum itu menarik diri, dan telah disebutkan juga pegawai-pegawai dagang, pegawai-pegawai dagang ini bolehlah juga saya mintakan huraian, pegawai dagang dari mana sama ada daripada England ataupun lain-lain. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri bolehlah menjawab.

4.32 ptg.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah sanggup berdiri dan menyuarakan pendapat mengenai dengan Rang Undang-undang yang saya kemukakan ini.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Latip bin Haji Dris telah banyak menyentuh mengenai dengan Rang Undang-undang Pencen 1979 yang telahpun diluluskan. Sekali lagi inginlah saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat itu bahawa segala usaha akan dibuat untuk mempercepatkan pembayaran pencen dan ini termasuklah pembayaran bonus kepada pegawai-pegawai yang telah mencarum di bawah Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah dan Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak dibayar dengan segera.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad mengenai dengan pencen dagang, itu adalah pada masa dahulu ada pegawai-pegawai Kerajaan yang bukan penduduk Malaysia dan mereka ini masih lagi berhak untuk mendapatkan bonus di bawah Rang Undang-undang ini maka inilah peruntukan itu telah diberi.

Mengenai dengan satu perkara lagi yang telah dibangkitkan ialah mengenai dengan duda, saya rasa ini adalah merupakan satu kumpulanwang di mana pegawai Kerajaan telah mencarum dan sekiranya pegawai itu sudah mengambil caruman itu dan sekiranya ada bonus maka ini bolehlah diterima oleh tanggungan pegawai itu jika pegawai itu tidak ada lagi. Ini saya rasa termasuklah juga duda kalau pegawai yang berkenaan itu sudah tidak ada lagi. Saya rasa itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANGTARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Timbangtara 1952 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pusat Timbangtara Perdagangan dan Penyelarasan Antarabangsa bagi Rantau Asia di Kuala Lumpur telahpun ditubuhkan pada 1hb April, 1978. Persetujuan menubuhkan Pusat ini telahpun dibuat oleh Kerajaan. Satu perjanjian dengan cara pertukaran surat telah dibuat oleh Menteri Undang-undang dan Setiausaha Agong Jawatankuasa Perunding Undang-undang Asia-Afrika (Asian-African Legal Consultative Committee).

Pada 17hb Oktober, 1979 Pusat ini telah pun dibuka dengan rasmi oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri. Semenjak itu Pusat ini telahpun bertugas dengan secara rasmi sebagai satu institusi antarabangsa bagi rantau Asia dan Pasifik.

Di antara tugas-tugas yang dijalankan oleh Pusat ini ialah:

- (a) untuk menggalakkan timbangtara perniagaan antarabangsa di rantau ini;
- (b) untuk menyelaras dan membantu aktiviti-aktiviti institusi-institusi timbangtara yang ada sekarang terutama sekali antara institusi-institusi di rantau ini;
- (c) untuk memberi bantuan dalam menjalankan timbangtara-timbangtara *ad hoc* terutama sekali timbangtara yang diadakan di bawah kaedah-kaedah timbangtara Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan Undang-undang Perdagangan Antarabangsa (UNCITRAL);
- (d) untuk membantu dalam menguatkuasakan award-award timbangtara; dan
- (e) untuk mengadakan timbangtara di bawah anjuran Pusat itu di mana wajar.

Tuan Yang di-Pertua, Pusat Timbangtara Serantau di Kuala Lumpur ini adalah bertugas secara bebas sebagai satu badan antarabangsa. Kebebasannya menjalankan segala tugas-tugas adalah satu faktor yang amat penting, kerana dengan bersikap demikian negara-negara dan badan-badan perniagaan di rantau Asia dan Pasifik ini akan mempunyai kepercayaan penuh terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian peruntukan-peruntukan dalam Akta Timbangtara adalah bertentangan dengan kaedah-kaedah yang terkandung dalam "Convention on the Settlement of Investment Disputes 1965" dan kaedah-kaedah UNCITRAL. Ini ialah kerana kaedah-kaedah ini adalah lengkap dengan sendirinya dan tidak bergantung kepada bidang kuasa Mahkamah Kebangsaan. Kaedah-kaedah ini adalah digunakan di Pusat Timbangtara Serantau di Kuala Lumpur. Maka dengan adanya peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Akta sekarang, perbicaraan-perbicaraan Timbangtara tidaklah dapat dijalankan dengan bebas di Pusat ini tetapi adalah tertakluk kepada Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu demi untuk menjayakan Pusat Timbangtara Serantau di Kuala Lumpur ini sebagai satu institusi antarabangsa yang bebas, maka amatlah wajar Akta tersebut dipinda untuk mengecualikan timbangtara-timbangtara perdagangan

antarabangsa dan timbangtara-timbangtara berkenaan pelaburan dari peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta tersebut.

Pindaan yang dimaksudkan itu ialah untuk menambah satu seksyen lagi dalam Akta Timbangtara, 1952, iaitu seksyen 34. Menurut seksyen baru yang dicadangkan itu, peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta tersebut dan juga dalam Undang-undang yang lain, tidak akan boleh digunakan berhubung dengan satu-satu timbangtara antarabangsa yang diadakan di bawah "Convention on the Settlement of Investment Disputes 1965"; Kaedah-kaedah Timbangtara Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu, 1976, (UNCITRAL Rules); ataupun kaedah-kaedah Pusat Timbangtara Serantau di Kuala Lumpur ini.

Seksyen baru ini juga mengandungi peruntukan, iaitu, award-award timbangtara yang diadakan mengikut Konvensyen dan kaedah-kaedah yang tersebut di perenggan 13, yang akan dikuatkuasakan di Malaysia, hendaklah mengikut peraturan seperti yang terkandung dalam Konvensyen tersebut ataupun "Convention on the Recognition and Enforcement of Foreign Arbitral Awards, 1958", di mana sesuai. Perlu dinyatakan di sini bahawa seksyen ini juga adalah memenuhi kehendak-kehendak yang terkandung dalam "Convention on the Settlement of Investment Disputes, 1965", di mana Malaysia adalah menjadi satu pihak kepadanya semenjak tahun 1966.

Menurut Article 54 Convention tersebut tiap-tiap negeri yang menjadi pihak kepadanya hendaklah mengiktiraf award-award yang telah dibuat di bawah Convention itu dan menguatkuasakan award-award tersebut dengan cara yang sama seperti penguatkuasaan satu-satu keputusan yang dibuat oleh mahkamah di negeri itu. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Timbangtara (Pindaan) 1979 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

5.04 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu jikalau di negara kita ini dari hari ke hari kegiatan perdagangan berkembang, maka perlulah juga kita mencari ikhtiar bagaimana kita boleh menyelesaikan apa-apa masalah yang mungkin timbul dalam dunia perdagangan. Mungkin pada satu masa dahulu kita hanya berniaga di antara semasa kita iaitu di dalam negara tetapi hari demihari perniagaan kita telah meluas daripada bidang tanahair kita dan kita berniaga di merata-rata negara sekarang.

Untuk mencari penyelesaian sekiranya persengketaan berlaku, maka terpaksa kita mencari badan-badan yang tertentu yang boleh memberi satu keputusan yang adil kepada dua pihak. Kalau di negara kita ini kita telah mewujudkan Akta Timbangtara semenjak 1952 dan ini adalah salah satu daripada undang-undang yang telah disemak dan mengikut Akta 93 kita mempunyai satu undang-undang yang kemas dalam perkara ini. Kalaulah semua undang-undang yang agaknya lapuk yang agaknya sudah banyak pindaan kalau dapat dikemaskan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang alangkah baiknya, tetapi inilah salah satu yang mana Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang telah membaikinya, yang kita mempunyai Akta 93.

Tuan Yang di-Pertua, kalau persengketaan berlaku di antara dua peniaga di negara kita ini, mereka itu boleh pergi ke mahkamah-mahkamah tinggi untuk mendapatkan penyelesaian atau mahkamah session atau mahkamah biasa di negara kita, atau dengan mudahnya mereka biasanya memilih jalan supaya perkara itu diselesaikan secara timbangtara, secara arbitration dan cara-cara menyelesaikan itu adalah di dalam Akta 93 yang saya sebutkan tadi atau Akta Timbangtara 1952 yang mana telah jelas disebutkan cara-caranya, kuasa-kuasanya siapa yang boleh jadi arbitratornya, sama ada seorang arbitrator atau dua orang arbitrator dan umpirenya, semuanya telah dijelaskan. Tetapi penting dalam perkara ini ialah penerimaan masyarakat perdagangan itu sendiri. Kalau masyarakat perdagangan merasai bahawa cara menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam dunia perdagangan ialah melalui timbangtara kerana biasanya secara itu cepat, sudah tentu sistem timbangtara kita

anak diakui, tetapi sebaliknya kalau didapati sungguhpun ada undang-undang bahawa penyelesaian secara itu tidaklah memberi menafaat kepada mereka, sudah tentu mereka tidak akan menggunakan sistem itu. Inilah sebabnya bila kita libat daripada kes-kes yang masih lagi belum dibicarakan di mahkamah tinggi, khususnya kes sivil, kita dapati banyak juga perkara-perkara perdagangan.

Kebiasaannya ahli-ahli perniagaan lebih senang membuat di dalam perjanjian perdagangan, satu fasal yang mana ia mengatakan jika ada perselisihan, perselisihan itu hendaklah diselesaikan melalui timbangtara. Jadi sekarang ini oleh kerana kita telah membiak ke luar negara, kita berdagang dengan negara-negara asing dan juga pedagang-pedagang dari negara asing datang ke negara kita, maka sudah tentu kita mewujudkan satu sistem yang mana kita boleh menyakinkan peniaga-peniaga luar daripada negara kita dan jika ada masalah timbul nanti, masalah itu boleh diselesaikan dengan cepat dan juga dengan seadil-adilnya. Inilah yang biasanya mereka mencari, mereka bertanya apabila mereka datang kemari, kalau hendak menyelesaikan masalah itu bagaimana, siapa yang menyelesaikan.

Ada pihak peniaga di negara kita mengatakan kalau hendak diselesaikan mestilah mengikut undang-undang Malaysia dan mengikut keputusan mahkamah Malaysia. Ini ada kalanya dan kerap kali juga penyelesaian semacam ini tidak mahu diterima oleh pihak yang sana dan ini menyukarkan pelicinan perdagangan di antara dua pihak—satu yang ada dalam negara kita dan satu lagi di negara luar. Itulah sebabnya dari semasa ke semasa kita terpaksa mewujudkan satu sistem yang mana sistem itu boleh diterima bukan sahaja oleh rakyat kita tetapi juga oleh orang-orang luar. Bangsa-bangsa Bersatu telahpun mewujudkan satu kaedah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu 'Convention on the Settlement of Investment Disputes between States and Nationals of Other States 1965' ataupun 'United Nations Commission on International Trade Law Arbitration Rules 1976'. Jadi sekarang ini oleh kerana telah ada perjumpaan dari semasa ke semasa di antara Menteri Undang-undang di negara Asia dan Afrika maka mereka telah bersejua salah satu cara yang lain ialah bagi

mewujudkan satu Pusat Timbangtara Serantau dan kita boleh berbangga yang Malaysia telah dipilih untuk menjadi Pusat Timbangtara Serantau itu.

Kita mengucapkan syabas kepada Kerajaan kita khususnya Menteri Undang-undang kita yang telah sanggup menerima cadangan daripada negara-negara lain di Asia dan Afrika supaya Pusat Timbangtara Serantau itu diadakan di Kuala Lumpur dan kita telah melantik seorang pegawai kanan kita di Jabatan Peguam Negara untuk mengetahui Pusat ini.

Saya suka menyatakan bahawa ini menjadi tugas kita menggalakkan supaya Pusat ini berkembang dengan baik supaya dia diterima dengan baik oleh pengguna-penggunanya iaitu ahli-ahli perdagangan di negara kita dan juga di negara-negara di Asia, Pacific dan juga di Afrika bahkan seluruh dunia. Jikalau negara-negara ini ataupun ahli-ahli perdagangan yang datang daripada negara-negara luar daripada Malaysia menerima Pusat ini sebagai satu Pusat yang baik yang boleh menyelesaikan perselisihan di antara pedagang-pedagang maka sudah tentulah Pusat ini akan menjadi satu Pusat yang diakui. Sekian lama ini jikalau ada perselisihan faham di antara peniaga-peniaga di antara satu negara dengan satu negara lain kebiasaannya mereka menggunakan penyelesaian yang dibuat oleh International Chambers of Commerce di Paris. Oleh kerana ini telah berjalan berpuluh-puluh, beratus tahun maka apa yang dilakukan oleh ICC (International Chambers of Commerce) di Paris itu sudah diakui, sudah diterima. Tetapi apa yang menjadi masalah khususnya kepada negara-negara yang membangun seperti Malaysia ialah perbelanjaan yang dikenakan semasa mengadakan timbangtara di Paris itu. Perbelanjaan menyelesaikan atau perbelanjaan mengadakan timbangtara ini memanglah tinggi hinggalah kadang-kadang perbelanjaannya lebih daripada perkara yang menjadi sengketa itu. Itulah sebabnya rasa saya kita terpaksa mencari satu alternative, satu jalan atau bidang lain yang mana pedagang-pedagang kita dapat pergi untuk mendapatkan pertimbangan yang adil bagi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul bagi mereka.

Saya harap dengan wujudnya Pusat seperti ini, dengan kebijaksanaan Pusat ini memberi keputusan mereka ataupun award mereka

maka Pusat ini boleh diterima bukan sahaja oleh masyarakat tempatan, bukan sahaja daripada masyarakat perdagangan daripada Asia dan Afrika tetapi juga daripada masyarakat pedagang seluruh dunia. Ini memerlukan banyak perhitungan, di antara lain kebijaksanaan orang-orang yang akan menjadi arbitrators itu nanti.

Saya percaya Kerajaan telahpun membuat satu senarai menamakan beberapa tokoh-tokoh di dalam ilmu perundangan supaya menjadi ahli timbangtara di dalam Pusat ini, itu sangatlah baik. Saya rasa perlu juga dijemput mereka yang bijak di dalam ilmu perdagangan dan tidak semestinya seorang peguam tetapi yang mempunyai pengalaman yang luas dalam ilmu perdagangan. Mereka yang telah dianggapi oleh dunia perdagangan sebagai orang yang berjaya di dalam business dan boleh membuat keputusan yang adil. Mereka yang seperti ini patut disyorkan supaya menjadi arbitrators di dalam Pusat ini dan saya percaya kita tidak kurang orang yang boleh kita syorkan daripada negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan peruntukan ataupun Convention yang dibuat oleh badan dunia itu ialah Convention on the Settlement of Investment Disputes between States and Nationals of Other States, 1965. Tetapi malangnya Convention-convention yang sedemikian sukar diperolehi sedangkan Khutubkhanah kita di Parlimen ini sendiri tidak mempunyai senaskhah dan bagi saya hendak membuat hujah-hujah dalam masalah ini agak sukar, mungkin Jabatan Peguam Negara mempunyai senaskhah. Tetapi saya suka merayu kepada Parlimen sendiri supaya melengkapkan semua undang-undang, Treaty-treaty Convention-convention yang mana negara kita menjadi signatorynya supaya Ahli-ahli Dewan ini boleh merujuk bila-bila masa sahaja untuk mendapat bahan rujukan. Saya telah cuba di kutubkhanah kita di bawah tetapi nampaknya Khutubkhanah kita tidak lengkap dan sukarlah bagi saya hendak memberi ulasan terhadap buruk baiknya, untung ruginya kita menerima dengan sepenuhnya Convention yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat di bawah Fasal (2) iaitu satu seksyen baru yang hendak dimuatkan dalam Akta Timbangtara 1952 iaitu seksyen 34. Saya lihat di sini

bahawa Mahkamah Tinggi kita mempunyai kuasa, tidak seperti yang kita beri kepada Mahkamah Tinggi kita di dalam peruntukan-peruntukan yang lain di bawah Akta Timbangtara 1952. Di sini nampaknya dikecualikan hanya dalam masalah penguatkuasaan, di situ bila hendak dikuatkuasakan Mahkamah yang dimaksudkan di sini ialah Mahkamah Tinggi. Ini ada bezanya daripada peruntukan-peruntukan yang wujud di dalam Akta Timbangtara 1952 yang mana kalau kita dapati seorang timbangtara itu tidak menjalankan tugasnya dengan adil—berat sebelah umpamanya maka seseorang yang terlibat dalam itu boleh merujuk Mahkamah Tinggi untuk mendapat keputusan atau mendapat campurtangan daripada Mahkamah Tinggi.

Tetapi di sini Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidangkuasa campurtangan sedemikian. Hanya yang diberikan ialah semasa kita hendak menguatkuasakan apa juga award yang telah dibuat oleh badan-badan yang saya maksudkan tadi iaitu Pusat Timbangtara Serantau di Kuala Lumpur ataupun award-award yang telah dibuat di bawah Convention on the Settlement of Investment Disputes Between States and Nationals of Other States, 1965 atau di bawah kaedah United Nations Commission on International Trade Law Arbitration Rules, 1976.

Jadi di sini seperti saya katakan tadi yang akan memutuskan baik buruknya, adil tidak adilnya ialah mereka yang menjadi penggunaannya nanti iaitu pedagang-pedagang, peniaga-peniaga yang ada hubungan perniagaan dengan satu badan lain di luar daripada negara kita. Kalau masyarakat itu menerima keputusan yang dibuat nanti, itu tidak akan menimbulkan apa-apa masalah; sebaliknya kalau masyarakat itu tidak menerimanya jadi apa yang akan berlaku ialah undang-undang atau pusat ini hanya menjadi "gajah putih" (white elephant). Saya harap perkara itu tidak jadi sedemikian kerana dari sehari ke sehari seperti saya kata pada awal tadi masyarakat Mercantile kita makin berkembang dan bila ia berkembang terpaksa ia berdagang bukan sahaja dengan masyarakat tempatan tetapi dengan masyarakat luar daripada negaranya. Jikalau berbuat demikian dan sekiranya timbul perselisihan maka perlulah perselisihan itu diatasi dan cara yang baik sekali ialah menerusi timbangtara yang adil kerana kalau mereka hendak pergi

melalui proses mahkamah, ini bukan sahaja memakan belanja yang besar tetapi yang lebih-lebih lagi memakan masa yang terlalu panjang. Kalau dapat penyelesaian dalam 5 tahun kita boleh bersyukur biasanya kadang-kadang sampai 10 tahun tidak selesai lagi. Itu menunjukkan betapa rumitnya untuk mencapai satu penyelesaian yang timbul di antara pedagang-pedagang negara kita dengan negara lain yang mempunyai masalah.

Saya hanya ada satu lagi perhatian kecil terhadap pindaan kepada Akta Timbangtara, 1952 ini iaitu "Marginal note" yang dibuat kepada Seksyen 34. Di "marginal note" ini disebutkan: "Act not to apply to arbitrations". Saya rasa ini mengelirukan sedikit. Saya sedar peruntukan sedemikian memang tidak digunakan semasa mentafsirkan Statute atau Undang-undang, tetapi eloklah kalau kita jelaskan. Yang dimaksudkan di sini ialah "Act not to apply to certain arbitrations", bukan mengatakan "Act not to apply to arbitrations" kerana ini ialah Arbitration Act. Apa yang dimaksudkan sebenarnya di sini ialah "Act not to apply to certain arbitrations". Perkara semacam ini patutlah mendapat pandangan cermat sedikit daripada pihak Peguam Negara.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong pindaan kepada Rang Undang-undang Timbangtara, 1979 ini.

5.24 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Timbangtara, tahun 1952. Saya tidaklah berhajat hendak memberi huraian yang begitu lanjut sebab huraian yang begitu lengkap telah diberikan oleh rakan sejawat saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin. Malahan pula saya bukanlah seorang keahlian dalam masalah ini, cuma saya boleh memberikan satu perhatian bahawa mungkin juga perhatian saya yang cetek ini akan memberi faedah dan menafaati bilamana hendak dikuatkuasakan Akta pindaan ini.

Yang pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, dengan inilah juga di antara faktor yang menyebabkan pedagang-pedagang kita sangsi, pedagang-pedagang kita kurang rancak walaupun telah dikatakan oleh Yang

Berhormat tadi telah ada, kurang berminat melaburkan modalnya di dalam negeri ini, menjalankan perdagangan dengan negeri ini kerana walaupun ada Akta ini telah diwujudkan pada tahun 1952 tetapi mereka masih sangsi, mereka masih bertanya banyak kes-kes yang belum dapat diselesaikan oleh Pusat Timbangtara ini. Jadi dengan keadaan adanya pindaan ini, saya yakin bahawa ini satu daripada yang boleh meyakinkan pedagang-pedagang sama ada di Asia, di Pasifik dan antarabangsa supaya sama gemar berniaga dalam negeri kita. Tambahan pula hasil mahsul negeri kita dari semasa ke semasa khasnya daripada barang-barang mentah yang dikeluarkan dalam negeri ini bertambah banyak dan negara-negara lain berhajat sangat akan bahan-bahan mentah ini. Dengan adanya pindaan ini, dengan adanya kuatkuasa ini berjalan kelak, saya yakin bahawa keraguan, kesangsian oleh pelabur-pelabur atau pedagang-pedagang asing kepada negeri kita ini dapat diatasi dari semasa ke semasa.

Yang kedua, kita telah menghantar delegasi perdagangan dan perindustrian kita kadangkala diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan juga akan diikuti oleh delegasi-delegasi yang lain. Usaha kuatkuasa Rang Undang-undang ini juga patut kita berikan pandangan dan penerangan kepada ahli-ahli perdagangan itu sebab kalau dengan jaminan-jaminan dasar, jaminan-jaminan kuatkuasa perdagangan dalam negeri kita ini, kita katakan kepada mereka, mereka juga tidak begitu tertarik sebab bilamana mereka berdagang dengan kita mempunyai modal yang besar bermelion-melion, sekiranya berlaku selisih pendapat antara pedagang kita dengan luar negeri ini, kalau tidak ada satu badan yang seumpama badan ini akan menyelesaikan, maka ketika itu harapan, ingatan mereka hendak berdagang dalam negeri kita ini akan menjadi lemah.

Saya tidak tahulah adakah kuatkuasa Rang Undang-undang ini boleh juga memberikan satu dakwaan kepada setengah golongan yang di luar negeri yang sentiasa membuatkan penerangan yang begitu silap, penerangan yang sabotaj atas dasar-dasar perniagaan dan perindustrian dalam negeri kita ini. Hal ini pernah berlaku. Bila rombongan perdagangan Kementerian kita balik, mereka datang dengan memberikan

pandangan-pandangan yang berlawanan dengan dasar perniagaan dan perusahaan dalam negeri kita. Umpamanya, dengan adanya hak hendak diberi kepada bumiputra 30% itu, maka ini menjadi satu kelemahan kepada pedagang hendak menanam modal dalam negeri ini. Kalau boleh manusia yang seumpama ini kita ambil tindakan atau berikan nasihat kepadanya dan kepada Pusat ini. Ini bukan sahaja datang daripada luar, tetapi daripada ahli pedagang-pedagang kita yang ada dalam tanahair ini untuk memberikan pandangan kepada pedagang luar negeri supaya mereka tidak ingin dan tidak yakin hendak berniaga dalam negeri kita ini. Saya kurang arif samada boleh atau tidak Rang Undang-undang ini merangkup kerja-kerja yang dibuat oleh pedagang-pedagang dalam tanah air kita ini dan juga pedagang-pedagang antarabangsa?

Satu perkara lagi, saya nampak bahawa dalam menjadikan ahli Timbangtara yang berpusat di Kuala Lumpur ini, saya juga menyokong rakan sejawat saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, sebab dengan kebijaksanaan Kerajaan dengan baik pendirian Kerajaan hingga sanggup mewujudkan Pusat Timbangtara Asia, Pacific di Kuala Lumpur, malahan pula yang mengetahui itu orang yang pakar dalam undang-undang. Ini satu penghargaan yang kita patut puji walaupun Malaysia ini sebuah negeri yang kecil, Malaysia di antara negeri di Asia/Pacific adalah negeri yang kecil hanya 12 million, kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang besar, tetapi negeri ini sanggup menjadi pusat ini di Kuala Lumpur.

Dalam hendak mendapatkan ahli ini, pada pendapat saya, seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi bukan sahaja ahli Undang-undang yang patut kita lantik menjadi ahli Jawatankuasa Timbangtara ini tetapi termasuklah orang yang matang dalam perniagaan dan perusahaan. Saya nampak tidak lain dan tidak bukan kenalah kita berikan perhatian dan pencalunan kepada Ahli Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia supaya melayaknya mereka duduk dalam anggota ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya beri sokongan sekali bagi atas Bil ini.

5.32 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyatakan bahawa pada masa dahulu perniagaan adalah dikatakan secara "bartar trade" iaitu bukan menggunakan wang tetapi menggunakan barang. Misalnya kita ada kelapa ditukarkan dengan kacang, kalau kita ada ayam, kita tukar dengan beberapa ekor lembu iaitu di antara perseorangan dengan perseorangan yang lain. Ini adalah perniagaan di zaman dahulu tidak kompleks seperti mana perdagangan pada hari ini iaitu perdagangan di dalam negeri kita ini, kalau dikatakan itu, pada hari ini lebih kompleks lagi. Tetapi kalau dibandingkan dengan perniagaan internasional, lebih-lebih kompleks lagi. Oleh sebab itu terpaksa kita mengadakan undang-undang. Dunia telah mengadakan undang-undang Arbitration Court ini berkenaan dengan perniagaan antarabangsa. Ini bukan baru, tetapi sudah lama. Di Malaysia pada tahun 1952. Tetapi sebelum 1952 bagaimana? Apa telah terjadi kepada Malaysia sebelum tahun 1952 sebelum itu penjajah yang memerintah negeri ini. Tidakkah ada undang-undang yang serupa ini? Tentu di masa penjajah dahulu ada juga undang-undang yang dikatakan Arbitration Court ini di mana peniaga Inggeris dengan peniaga Jepun atau Perancis yang ada dalam negeri ini iaitu orang Inggeris menanam modal di sini dan orang Perancis menanam modal dengan Inggeris dalam negeri kita, tentulah ada undang-undang yang serupa ini juga sebelum 1952, sebelum Rang Undang-undang yang dikatakan hendak dipinda ini. Saya mengatakan internasional oleh kerana ini bukan baru kepada dunia ini, sudah lama. Kalau tiada undang-undang ini bermakna kalau ada sesuatu dispute di antara orang perseorangan atau antara satu warganegara dengan satu warganegara negeri lain, bagaimana? Itulah sebabnya Rang Undang-undang Arbitration Court atau Timbangtara ini cukup mustahak kepada tiap-tiap negeri.

Di sini saya hendak bertanya sedikit kepada Kementerian yang bertanggungjawab iaitu dikatakan Arbitration Centre bagi Asia dan Pacific. Asia ini kita tahulah, jadi saya hendak tahu mana-mana negeri yang masuk di dalam ini. Hong Kong satu daripadanya,

Jepun satu daripadanya atau Vietnam, Kampuchea Thailand. India dan Pacific juga termasuk Australia, New Zealand sampai ke Amerika, Amerika juga menghala ke Pacific ini. Jadi ini besar kawasannya, cukup besar, termasuklah sampai ke selatan yang dikatakan Pacific Island? Ini semuanya masuk di dalam kawasan yang dikatakan Asia Pacific Centre.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah itu kita lihat pada hari ini selepas kita mencapai kemerdekaan tahun 1957 dan hari ini kita nampak pemodal-pemodal asing sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi pemodal-pemodal asing datang ke mari. Pemodal-pemodal asing hendak menanam modal dalam negeri ini dengan menandatangani kontrak di antara satu dengan lain. Kontrak ini bukan apa tetapi ialah modal yang disain untuk melabur misalnya \$5 juta. Ini bukan sedikit, wang ini banyak ada yang \$30 juta, misalnya membuat tayar, Goodyear atau Dunlop. Ini memakan perbelanjaan yang cukup banyak. Dengan sebab itu mereka ragu-ragu hendak menanam modal, tetapi sekarang telahpun menanam modal dalam negeri ini tetapi yang lain-lain yang hendak menanam modal ini berasa ragu-ragu tentang Arbitration Court yang ada di dalam negeri kita ini, seperti yang dikatakan Timbangtara tadi ini adakah timbang yang betul ataupun berat sebelah. Ini yang ditanya oleh orang lain. Bukan dikatakan tiba-tiba hendak tanam modal sahaja, tidak begitu. Kita hendak tahu juga samada negeri ini aman, sentosa, damai, tiada berperang dan sebagainya.

Selain daripada itu kita hendak tahu juga bagaimana kalau saya orang luar hendak menanam modal di sini. Kita hendak tahu bagaimana cara-cara Arbitration Court ini, dan siapa dia ahli-ahli arbitrators. Tadi telah diterangkan ada orang Malaysia, dan saya mencadangkan iaitu kalau boleh kita berkehendakkan bukan sahaja orang-orang dari Malaysia tetapi juga kita berkehendakkan orang-orang di rantau Pacific ini diwaktu dan masa dikehendaki misalnya satu dari Singapura, satu dari Philipina, satu dari Australia, New Zealand. Beberapa orang kita dan beberapa orang daripada luar negeri ini menjadi ahli Timbangtara ini atau lebih banyak, lebih baik.

Kemudian apabila kita berkehendakkan Timbangtara ini, kalau ada perbincangan, diletakkan nama-nama ini ke dalam tong, kemudian ditarik, siapa yang terkena dalam Timbangtara ini. Dengan itu tiada 'side' kepada siapa dan orang-orang ini tidak boleh pergi berjumpa untuk mengetahui siapa dia ahli Timbangtara ini, bukan guided by siapa-siapa pun. Misalnya seorang A. kita pergi kepada A. kita kata tolonglah saya, jadi rasuah pun ada dalam ini, kita tidak tahu, tetapi kalau misalnya diletakkan dalam satu tong sewaktu hendak Timbangtara itu maka nama ini diambil dari tong itu misalnya si Ahmad, si Thomas atau orang-orang yang bijak pandai, ditarik nama mereka. Kalau empat dikehendaki empatlah; kalau lima, limalah, jadi orang ini tidak sedikitpun dapat berpakat-pakat dan misalnya dua hari sebelum Timbangtara itu, orang ini diambil kemudian diberi tahu kepada dia, ataupun dalam seminggu. Tetapi kalau sudah ditetapkan nama orang itu juga, saya boleh pergi jumpa orang ataupun orang lain boleh berjumpa mengatakan tolonglah saya begini-begini. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan supaya nama-nama, kita tidak hendak orang-orang di luar ini, tetapi orang-orang di dalam negeri juga kalau dapat dibuat demikian supaya orang luar negeri memikirkan kita mempunyai keadilan dan juga mempunyai satu sistem yang tidak dapat dipengaruhi oleh sesiapa.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelaraskan "award" ini adalah berhubung dengan perniagaan yang mana ada agreement yang ditandatangani bukan di dalam negeri kita ini. Misalnya, saya sebagai seorang Malaysia kemudian hendak berniaga di dalam Malaysia tetapi saya buat agreement di Tokyo ataupun di London. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah mengikut Timbangtara ini boleh dibuat di London, sebab saya orang Malaysia; saya boleh bawa ke Malaysia jika ada pertelingkahan di dalam agreement itu—Valid agreement dan countersigned oleh kedutaan kita sama ada di London, Tokyo, Australia ataupun New Zealand. Jadi ini adalah satu dokumen yang valid, yang dipandang betul dan sah di sisi undang-undang. Jadi di mana? Bolehkah Arbitration Court itu diadakan di Malaysia, di London ataupun di tempat-tempat lain di mana orang itu berada. Itu yang saya hendak bertanya

kepada Yang Berhormat Menteri. Ini soal perseorangan. Jikalau sekiranya Kerajaan dengan Kerajaan sebab Kerajaan pun ada membeli kapal terbang, tank dan meriam, tank dan meriam yang kadang-kadang tidak meletup pun ada dibeli.

Jadi ini semua barangkali ada perbalahan. Mana kita tahu. Jadi soal antara Kerajaan dengan Kerajaan ini adakah Arbitration Court masa League of Nations dahulu ada Hague Tribunal bolehkah dipakai. Ini soal orang perseorangan tetapi bolehlah di antara Kerajaan dengan Kerajaan juga mengadu ke Arbitration Court seperti yang dikatakan tadi Asia-Pacific. Kalau ada boundary disputes bolehlah dibawa kepada International Arbitration Court at Hague ataupun di mana-mana tempat. Tetapi jikalau misalnya di dalam dunia perdagangan dan perusahaan di antara Kerajaan dengan Kerajaan terlibat bagaimana pula; jadi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri Undang-undang.

Selain daripada itu, saya tidaklah ada apa-apa lagi hendak menyatakan mengenai perkara ini, melainkan cuma beberapa kali kita sudah menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang iaitu berkenaan dengan bahasa. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri sudah berjanji suatu ketika dahulu di dalam perbahasan Budget apa yang kita bahaskan iaitu Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Rasmi digunakan di dalam undang-undang dari masa ke semasa, maka dengan sebab itu maka mestilah Rang Undang-undang ini dan Rang Undang-undang yang lain juga pada hari yang akan datang kita hendak menengokkan supaya yang bahasa Inggeris itu seboleh-bolehnya hendaklah diterjemahkan kerana semasa perbahasan tadipun ada beberapa Ahli Yang Berhormat, termasuk Senator Kamarul Ariffin menyatakan iaitu terjemahan itu tidak bergitu betul dan tidak begitu tepat. Apa yang dikehendaki ialah terjemahan itu mestilah tepat betul-betul

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan. Adakah pada pandangan Ahli Yang Berhormat ini satu pencemaran bahasa?

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Itulah yang ditujukan. Jikalau hendak menengokkan Bahasa Kebangsaan menjadi Bahasa Rasmi yang tunggal di dalam negeri

ini dan meninggikan tarafnya supaya orang-orang lain mempelajari bahasa kita, maka kita tidak boleh memperkecil-kecilkan bahasa kita. Itu tujuan saya Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jikalau tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap, bolehlah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.46 ptg.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan kepada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Yang pertamanya, saya rujukkan kepada pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bercakap berkenaan dengan sistem di Pusat Timbangtara Perdagangan Antarabangsa di Kuala Lumpur ini dan berharap sistem ini akan dapat diterima oleh bukan sahaja masyarakat kita di Malaysia bahkan juga masyarakat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin bahawa Pusat Timbangtara Perdagangan dan Penyelarasan Antarabangsa bagi rantau Asia di Kuala Lumpur ini diterima baik pada sistemnya dan lain-lain oleh bukan sahaja masyarakat kita tetapi oleh masyarakat di dalam dunia ini.

Pada masa sekarang ini pun sebelum daripada kita kemukakan pindaan kepada Akta Timbangtara, sambutan yang diberi oleh orang ramai bukan sahaja di Malaysia bahkan juga dari tempat-tempat lain amat menggalakkan. Saya percaya dengan wujudnya pindaan yang ada di hadapan kita ini akan menambah lagi sambutan-sambutan yang akan diberi oleh masyarakat-masyarakat perdagangan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sentiasa mencari jalan untuk mendapatkan kepercayaan di kalangan pelabur-pelabur terutamanya pelabur-pelabur asing daripada dunia luar, dan satu-satunya ikhtiar yang telah berjaya ialah dengan mendapatkan penubuhan Pusat Timbangtara oleh Jawa-

tankuasa Perunding Undang-undang Asia/Afrika (Asian/African Legal Consultative Committee) di Kuala Lumpur ini. Kita patut mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Asian/African Legal Consultative Committee yang telah memberi kepercayaan penuh kepada negara kita dengan mengadakan pusat itu di Kuala Lumpur itu. Dengan adanya pusat itu di Kuala Lumpur ini kita terus menerus mencari jalan untuk menggalakkan bagi pelabur-pelabur datang ke mari dan mendapatkan lebih banyak lagi kepercayaan pedagang-pedagang dan satu ikhtiar lagi ialah dengan mewujudkan pindaan ini kepada undang-undang yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pengarah (Director) Pusat ini ialah seorang pegawai tinggi daripada Kementerian Undang-undang di Kuala Lumpur ini. Dengan adanya Pusat Timbangtara di Kuala Lumpur dan adanya pindaan kepada undang-undang adalah satu pertanda yang baik untuk perusahaan dan perdagangan dan pelaburan di Malaysia berkembang lebih maju lagi pada masa akan datang.

Yang Berhormat Senator itu juga bertanya berkenaan dengan Penimbangtara (Arbitrator) sama ada sudah pun diadakan satu panel ataupun senarai sekarang ini. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa kita telahpun menyediakan satu senarai Hakim-hakim atau Arbitrators ini untuk membicarakan kes-kes ataupun pertikaian-pertikaian yang mungkin timbul dari satu masa ke satu masa di Pusat Timbangtara di Kuala Lumpur ini. Arbitrator-arbitrator ini datang daripada banyak negara termasuklah Malaysia, Afrika, Amerika, Europe dan lain-lain negara lagi. Arbitrator-arbitrator ini adalah terdiri daripada orang-orang yang bijak, berpengalaman dan mereka yang mempunyai nama baik serta kejujuran yang tinggi.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak menyatakan tentang rasuah di kalangan arbitrator-arbitrator ini dan kemungkinannya berlaku rasuah itu. Tuan Yang di-Pertua, dengan standing ataupun taraf arbitrator-arbitrator ini dan kejujuran mereka, nama baik di mata dunia saya yakin penuh orang-orang yang seumpama ini tidak mudah boleh terperangkap dengan anasir-anasir rasuah. Kita memanglah sudah membuat pilihan yang teliti terhadap senarai arbitrator-arbitrator ini.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin juga menyentuh berkenaan dengan perkataan di tepi Rang Undang-undang ini yang mengatakan "Act not to apply to arbitration". Di sini sukalah saya akui bahawa sebenarnya ada kesilapan, sepatutnya perkataan itu dibaca seperti berikut:

"Act not to apply to certain Arbitration." Jadi perkataan "certain" ataupun "setengah-setengah" dalam bahasa Melayu telah tertinggal. Ini tidak disengajakan dan mengikut peruntukan di dalam Peraturan Mesyuarat kita kesilapan seperti ini dapat diperbaiki dengan tidak payah dibawa ke persidangan Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad menimbulkan perasaan sangsi di kalangan pelabur-pelabur selama ini. Jadi, bolehlah Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan di sini dengan adanya Pusat Timbangtara di sini dan pindaan kepada Undang-undang Arbitration sangsi kalau pun ada di masa yang lalu itu sekarang ini dapat dihapuskan. Ahli Yang Berhormat yang sama juga meminta supaya ahli-ahli deligasi yang hendak keluar negeri diberi penerangan berkenaan dengan pindaan undang-undang ini dan juga Pusat Timbangtara di Malaysia. Suka saya menyatakan kepada Dewan yang mula ini iaitu amalan ini sudahpun berjalan sekarang dan bolehlah saya beri jaminan bahawa di masa akan datang lebih banyak penerangan-penerangan perdagangan boleh diberi kepada ahli-ahli deligasi kita yang hendak keluar negeri. Ahli Yang Berhormat juga bertanya sama ada melalui pindaan Akta ini dapat diambil tindakan terhadap mereka yang menyebarkan dasar Kerajaan yang salah di bidang perusahan dan perniagaan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidaklah dapat melalui Undang-undang ini kita berbuat demikian kerana Undang-undang ini hanya meliputi perkara-perkara pertikaian antara satu pihak dengan satu pihak yang lain dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Bagaimanapun, saya percaya dengan nama baik yang disanjung tinggi dan kedudukan kita apapun dakyah ataupun penyibarang yang salah yang dibuat oleh setengah-setengah pihak itu tidak banyak mempengaruhi ahli-ahli perniagaan di luar negeri ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad juga bercakap berkenaan dengan panel atau senarai Arbitrator. Perkara ini saya telahpun menjelaskan sekejap tadi.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bertanya sama ada Pusat Timbangtara ini boleh digunakan oleh negara-negara lain juga di dalam dunia selain daripada Asia dan Pasifik. Sukalah saya menyatakan di sini siapa-siapa pun ahli-ahli perniagaan di dalam dunia dapat menggunakan Pusat Timbangtara ini. Kalau kedua-dua pihak bersetuju hendak menggunakan Pusat Timbangtara di Kuala Lumpur walaupun mereka berada di Afrika, di Amerika, di England atau di Jepun mereka boleh gunakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik juga ingin mengetahui bagaimana kita memilih Arbitrator itu. Seperti saya terangkan tadi pilihan Arbitrator ini ialah terdiri daripada orang-orang yang ternama, bijak, berpengalaman dan mempunyai kejujuran yang tinggi.

Saya juga telah menjawab tentang perkara rasuah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik di kalangan Arbitrator tadi.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik juga bertanya sama ada Kerajaan sesama Kerajaan boleh menggunakan Timbangtara. Ini juga terpulung kepada persetujuan kedua-dua pihak dan kalau kedua-dua pihak bersetuju maka dapatlah Pusat Timbangtara itu digunakan.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik juga merasa tidak puas hati kerana Undang-undang ini masih berada di dalam bahasa Inggeris dan belum diterjemahkan. Saya sukalah menyatakan di sini bahawa segala tindakan sedang diambil sekarang untuk menambah kakitangan di Bahagian Penterjemahan dan kita harap pihak-pihak yang berkenaan seperti Perbendaharaan dan lain-lain akan bersama-sama dengan kita dan kita harap dengan bertambahnya bilangan kakitangan Pegawai-pegawai Penterjemah di dalam masa yang tidak berapa lama lagi dapatlah kita membanyakkan lagi penterjemahan Undang-undang daripada bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Saya mohon jalan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tak silap apabila tahun 1967 segala Bil-bil (Rang Undang-undang) yang dizahirkan di Dewan hendaklah menggunakan Bahasa Kebangsaan dan Undang-undang sebelum itu hendaklah beransur-ansur diterjemahkan ke Bahasa Kebangsaan, jadi apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat ini meragukan saya. Undang-undang selepas tahun 1967 ini berjalan beransur-ansur dan Undang-undang sebelum itu diam-diam dengan tidak bergerak. Jadi pada pengertian saya, pelaksanaan bahasa Kerajaan mesti berbuat dari sekarang segala Undang-undang yang dizahirkan selepas tahun 1967 mesti menggunakan Bahasa Kebangsaan, di samping itu Undang-undang yang dahulu daripada ini diterjemahkan supaya ia lengkap menjadi undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan dan inilah dasar Kerajaan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ini adakah usaha menterjemah undang-undang yang diluluskan sebelum tahun 1967 itu diusahakan sungguh-sungguh sekarang?

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan Di dalam Perlembagaan kita juga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini tambahan?

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tambahan kepada penjelasan tadi. Selepas kita mencapai kemerdekaan 10 tahun Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal dalam negeri ini dan dalam tempoh itu jikalau ditulis dalam bahasa ini tinggal begitu tetapi sesudah itu segala yang ditulis dalam satu circular misalnya dalam tempoh 10 tahun dia tinggal begitu sahaja, tetapi selepas daripada itu semua ini, kalau *Warta Kerajaan* dan segala-segalanya mestilah ditulis dalam Bahasa Kebangsaan. Jadi itu sebabnya begitulah jangkanya. Saya hendak bertanya sambungan daripada penjelasan tadi, secepat-secepatnya bahasa rasmi yang tunggal, iaitu Bahasa Kebangsaan ini menjadi betul-betul mengikut Perlembagaan, bila akan tercapai?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahasa dan penterjemahan Undang-undang ini telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Pemangku

Menteri Undang-undang tidak berapa lama dahulu di dalam Dewan ini. Jadi saya rasa tidaklah mustahak saya menjawab panjang berkenaan dengan perkara ini, memadailah saya mengatakan bahawa benarlah masih banyak Undang-undang sebelum daripada tahun 1967 yang belum lagi diterjemahkan ke Bahasa Kebangsaan. Bagaimanapun, seperti saya katakan tadi ada juga Undang-undang yang sebelum tahun 1967 yang telah diterjemahkan dan mana yang belum lagi itu kenalah kita mencari segala ikhtiar untuk menterjemahkan Undang-undang ini. Satu daripada jalannya ialah seperti saya katakan tadi dengan menambah bilangan pegawai-pegawai di Bahagian Penterjemahan dan kita walaupun mengambil tindakan ke arah ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, di atas segala point-point ataupun perkara yang tidak saya memberi jawapan satu persatu saya memberi jaminan di sini saya akan mengambil perhatian untuk tindakan. Terima kasih.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mendapat sedikit penjelasan berkenaan dengan sambutan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mana beliau mengatakan sambutan yang baik diberikan bukan sahaja oleh negara kita tetapi juga negara-negara lain terhadap Pusat Timbangtara Perdagangan Serantau di Kuala Lumpur ini. Jadi untuk meyakinkan saya dan saya percaya sahabat-sahabat saya di dalam Dewan ini bahawa sambutan itu adalah baik. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi bayangan kepada kita semenjak tertubuhnya Pusat ini pada 1-4-1978 iaitu dalam jangka waktu satu tahun lapan bulan, berapakah kes-kes yang telah dirujuk kepada Pusat ini dan juga berapakah kes-kes yang telah dapat diselesaikan oleh Pusat ini. Ini boleh membayangkan sambutan daripada masyarakat. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berbuat demikian.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, apakala saya kata diberi sambutan baik itu bukanlah ada perbicaraan-perbicaraan dijalankan di Pusat ini tetapi daripada perbicaraan-perbicaraan dan perjumpaan-perjumpaan yang diadakan di antara pegawai-pegawai di Pusat ini dengan ahli-ahli perniagaan maka mereka telah

memberi jaminan akan menyokong Pusat Timbangtara ini dan ini termasuklah wakil daripada World Bank sendiri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperergusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TAMAN NEGARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.15 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk. Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan dan pengawalan Taman-taman Negara dan mengenai perkara-perkara berkaitan dengannya dibaca untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan bagi mengadakan satu perundangan untuk menubuhkan dan mengawal Taman-taman Negara kepada semua negeri-negeri melainkan negeri-negeri Sabah dan Sarawak serta kawasan Taman Negara yang wujud pada masa ini.

Taman Negara yang wujud sekarang telah ditubuhkan di bawah Enakmen-enakmen Negeri iaitu Enakmen Taman Negara Kelantan Bil. 14/1938; Enakmen Taman Negara Pahang Bil. 2/1939, Enakmen Taman Negara Bil. 6/1358 Hijrah.

Tujuan menubuhkan Taman-taman Negara adalah dihuraikan dengan jelas di bawah Fasal 4, Rang Undang-undang, iaitu untuk memelihara dan melindungi hidupan-hidupan liar dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kajibumi, kaji-purba, sejarah, atnologi dan lain-lain kepentingan dari segi sains dan pemandangan dan melalui pemeliharaan dan penggunaan untuk memajukan pendidikan kesihatan, estetik atau keindahan alam semula jadi dan rekreasi orang ramai. Semua Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh Malaysia melainkan Sabah dan Sarawak telah dihubungi untuk penerimaan Rang Undang-undang ini yang mana pandangan-pandangan dari Kerajaan-Kerajaan Negeri telah diambil kira dalam penggubalan Rang Undang-undang ini.

Di negara kita perbezaan-perbezaan iklim, topografic, geology, tanah-tanah, wilayah-wilayah dan pengaruh-pengaruh manusia sendiri menyebabkan negara ini mempunyai berbagai jenis sistem hutan. Contohnya, hutan-hutan di Barat Laut Semenanjung Malaysia yang mempunyai unsur-unsur negara-negara Thai dan Burma adalah berbeza-beza dengan yang terdapat di Tenggara Semenanjung Malaysia yang mempunyai unsur-unsur kepulauan Borneo. Hutan-hutan di negeri-negeri Sabah dan Sarawak juga berbeza-beza dalam kandungannya dari hutan-hutan di semenanjung Malaysia.

Taman Negara yang terdapat sekarang yang ditubuh di bawah Enakmen yang telah saya sebutkan sebentar tadi sungguhpun luas tetapi tidak dapat memelihara berbagai jenis tumbuhan dan kehidupan liar yang berbeza beza yang terdapat di negara ini. Bagi menjamin supaya sistem-sistem ecology yang berbagai-bagai ini dapat dipelihara secara berkesan, kajian-kajian telah dibuat untuk menyediakan asasnya bagi penubuhan satu sistem Taman Negara, reserve-reserve alam semulajadi dan kawasan-kawasan perlindungan hidupan liar, ciri-ciri rupa bumi Malaysia yang menggambarkan keindahan aslinya yang akan dipelihara bagi tujuan pendidikan, kesihatan dan nilai keindahan

alam semula jadi dan rekreasi untuk rakyat masa kini serta untuk generasi-generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sesebuah Taman Negara adalah diasaskan mengikut kaedah-kaedah atau cara-cara kita menguruskan sumber-sumber alam semula jadi negara kita. Adalah sampai masanya satu perundangan diwujudkan bagi menentukan kawasan-kawasan yang sesuai dapat dipelihara berasaskan pelaksanaan pembangunan di bawah rancangan-rancangan pembangunan negara sejak merdeka. Pada masa ini negara kita boleh dikatakan mempunyai lebih kurang 50% daripada kawasan tanah yang masih lagi dalam keadaan semula jadi, tetapi dari setahun ke setahun kawasan-kawasan ini diperlukan untuk dimajukan bagi faedah rakyat sama ada melalui pembalakan, perlombongan atau untuk kemajuan tanah bagi pertanian. Soalnya sama ada kawasan-kawasan itu diutamakan untuk keuntungan ekonomi sahaja tanpa memikirkan apa akan terjadi kepada keadaan alam sekelilingnya. Seperti yang telah saya nyatakan dalam keadaan arus pembangunan negara yang begitu pesat, saya tidak nafikan yang sebahagian dari keadaan semula jadi kita terpaksa dimusnahkan bagi mendapat hasil yang diperlukan. Namun demikian adalah perlu untuk kita memelihara dan memperindungi kawasan-kawasan yang tertentu di seluruh negara bagi memastikan yang sumber alam sama ada jadi yang berbeza-beza itu akan wujud selama-lamanya. Caranya ialah dengan mengadakan perimbangan yang praktikal dalam penggunaan sumber asli negara ini secara pengurusan yang pragmatik. Ianya akan dilaksanakan di bawah perundangan khas ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam melaksanakan Undang-undang ini bukanlah bermakna yang Kerajaan tidak dapat melaksanakan rancangan-rancangan pembangunannya dari segi mengeksploitasikan sumber-sumber alam semulajadi ini tetapi pelaksanaannya akan

berasaskan kepada kepentingan serta keutamaan dari segi penggunaan (utilization) dalam perancangan yang lebih mendalam dan berpanjangan (long term).

Di akhir-akhir ini pernah berlaku peristiwa-peristiwa yang mana tanaman-tanaman, harta-benda dan ada kalanya nyawa terancam oleh hidupan liar seperti gajah, harimau dan lain-lain. Ini adalah disebabkan oleh kerana alam semulajadi yang mana habitat hidupan liar itu telah tergugat disebabkan oleh pembukaan tanah dan perlombongan serta pembalakan. Oleh kerana kawasan-kawasan habitat hidupan liar itu menjadi sempit maka tiada jalan lain bagi hidupan liar dalam kawasan yang berkenaan mengancam keselamatan harta-harta dan nyawa rakyat.

Kementerian saya telah banyak memusnahkan hidupan-hidupan liar seperti gajah dan harimau bagi memastikan yang rakyat tidak kerugian. Selain dari itu beberapa program juga telah diadakan seperti memindahkan gajah-gajah bagi mengelakkan kerosakan di kawasan-kawasan pembangunan tanah yang diusahakan pada masa ini.

Selain daripada itu, kawasan-kawasan hutan belantara di negara ini adalah diperlukan dari segi mendapatkan bahan-bahan benih pertanian dan haiwan. Contohnya, pokok durian, rambutan dan langsung yang terdapat di dusun-dusun sekarang adalah berasal dari kawasan hutan. Kawasan hutan semula jadi itu merupakan agricultural genus stock yang tidak harus kita hapuskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat bolehlah sambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok 16hb Januari 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.